

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 156 ● 4 - 10 MAC 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku


Wilayahku

WKTV

Iktiraf Sutan Puasa sebagai Pendiri Kuala Lumpur

PENERBITAN buku 'Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur' oleh sejarawan Abdur Razzaq Lubis memberi interpretasi baharu berhubung sejarah Kuala Lumpur.

Abdur Razzaq memberitahu Wilayahku beliau memilih istilah pendiri berbanding pengasas kerana pendiri merupakan orang adi atau yang pertama meneroka, mempelopori, membangun dan memajukan



ABDUR RAZZAQ

Kuala Lumpur.

"Ia bertepatan dengan fakta bahawa perkampungan Mandailing sudah pun wujud sekitar 1830 sekali gus menjadikan Sutan Puasa sebagai tokoh yang membuka wilayah berkenaan," katanya.

Menurutnya, Yap Ah Loy merupakan Kapitan Cina ketiga jadi sekiranya ada pemuka Cina seharusnya diangkat semestinya Kapitan

Cina yang pertama.

Sudah 50 tahun Kuala Lumpur sebagai bandar raya dan bukannya mudah untuk meluruskan sejarah namun ianya perlu bagi menghargai sumbangan yang telah dilakukan.

Razzaq dalam wawancaranya berharap pihak berwajib mengiktiraf Sutan Puasa secara rasmi sebagai Pendiri Kuala Lumpur.

[BACA LANJUT DI MUKA 16](#)



Kembalikan kereta kabel, kerusi angkut Bukit Nanas >> 6

DBKL gempur penjaja warga asing



PENGUAT kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barang jualan yang dijual penjaja warga asing berhampiran Pasar Harian Selayang dalam satu operasi baru-baru ini. Gambar: Jabatan Penguatkuasa DBKL

SETELAH pendedahan demi pendedahan mengenai aktiviti penjaja yang dijalankan warga asing, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan operasi menggempur mana-mana premis atau kawasan penjaja yang menjadi sarang kepada golongan itu.

Melalui beberapa operasi yang telah dijalankan, penjaja warga

asing didapati menggunakan pelbagai taktik termasuk menyelinap masuk ke Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) menggunakan kenderaan peniaga tempatan. Malah peniaga haram tersebut sanggup menyorokkan sayur untuk dijual di dalam longkang bagi mengaburi penglihatan pasukan penguat kuasa

Selain PBKL, penguat kuasa turut menggempur Pasar Pudu dan Pasar Harian Selayang. Hasilnya, beberapa buah premis telah disita serta notis telah dikeluarkan sekali gus menunjukkan keazaman DBKL menggempur penjaja warga asing ini habis-habisan.

[BACA LANJUT DI MUKA 4](#)

PPDK bimbing 'anak syurga' berdikari

>> 9, 10 & 11



Chef Naem bawa resipi ibu ke hotel bertaraf antarabangsa >> 17

Bantu promosi, peniaga untuk tarikan pelancong tempatan, antarabangsa

Shahidan taja bufet di D'Tebing

MENTERI Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** akan menaja makanan tengah hari di Pusat Penjaja D'Tebing yang terletak berhampiran Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) sebagai usaha untuk mempromosi dan menarik orang ramai untuk mengunjungi kawasan itu.

Beliau berkata, Pusat Penjaja D Tebing asalnya kekurangan, namun setelah dinaik taraf oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), ia menjadi pusat pelancongan baharu yang perlu dipromosikan.

"Realitinya, kita belum lagi dapat menarik pelancong untuk datang ke sini. Sekarang ini infrastruktur sudah elok serta berada dalam keadaan terbaik, maka kita mesti mencari jalan supaya orang ramai datang ke sini," katanya ketika berucap merasmikan Jejak Pahlawan Bulatan Dato Onn dan Pusat Penjaja D'Tebing di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha

(KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Jelasnya, untuk memastikan kawasan penjaja ini sentiasa menjadi tumpuan orang ramai, beliau akan menaja makanan tengah hari secara buffet untuk tempoh dua hari seminggu dalam masa satu bulan.

"Di antara kegemaran orang ramai adalah hidangan tengah hari secara bufet. Jadi kita boleh anjurkan di antara peniaga di sini dan saya akan taja seminggu dua kali.

"Selepas itu, mungkin Datuk Bandar (DB) sekali dan KSU sekali. Kita akan taja empat kali seminggu untuk tempoh satu bulan sahaja," katanya.

Shahidan berkata, tajaan makanan tengah hari itu bukan sahaja dibuat di Pusat Penjaja D'Tebing sahaja, bahkan ia akan diperluas di seluruh Wilayah Persekutuan termasuk Putrajaya



SHAHIDAN (kanan) beramah mesra dengan pengunjung di Pusat Penjaja D'Tebing semasa perasmian Jejak Pahlawan Bulatan Dato Onn dan pusat penjaja itu pada Selasa.

dan Labuan.

"Di mana tempat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang mempunyai tempat makanan yang belum dikenali, maka menteri, DB dan KSU akan muncul bagi

membantu dari segi promosi untuk menarik orang ramai datang berkunjung ke satu-satu kawasan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, laluan pejalan kaki Jejak Pahlawan

yang terletak berhampiran RoL bakal menjadi produk pelancongan terbaru di Bandaraya Kuala Lumpur bagi menarik kehadiran lebih ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa ke ibu negara.

"Inisiatif itu bakal dirancakkan lagi dengan operasi Pusat Penjaja D'Tebing yang sekali gus bermatlamat membantu menaikkan semula sektor perniagaan tempatan yang terjejas teruk akibat COVID-19.

"Kita mahu orang ramai singgah ke premis-premis ini semula, seperti mana sebelum pandemik," katanya.

Projek menaik taraf pusat penjaja berkONSEP medan selera yang menelan belanja RM1 juta tersebut turut dilengkapi fasiliti surau bagi memudahkan pengunjung beroperasi sehingga waktu malam.

Pusat tersebut terletak berhampiran dengan sebahagian projek laluan Jejak Pahlawan, terletak berdekatan Bulatan Dato Onn sepanjang dua kilometer.

WK

Program Transformasi PLC baiki prestasi firma senaraian awam

PROGRAM Transformasi Syarikat Senaraian Awam (PLC) akan memacu semula pertumbuhan dan prestasi syarikat yang disenaraikan di pasaran saham tempatan.

Menteri Kewangan, **Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz**, berkata selain meningkatkan kedudukan dan daya tarikan syarikat terbabit, program berkenaan juga bakal menjadi pemangkin dalam meningkatkan daya saing pasaran modal berbanding bursa saham lain di rantau ini.

Katanya, Program Transformasi PLC pada asasnya akan membantu syarikat berkaitan mencapai prestasi lebih tinggi menerusi perkongsian amalan terbaik, peningkatan pembabitan dan amalan ketelusan yang lebih tinggi.

"Program yang berlangsung sehingga 2025 ini dilaksanakan untuk memungkinkan prestasi dan pertumbuhan syarikat senaraian awam dan syarikat dalam ekosistemnya serta menyelaraskannya dengan trend global terkini, permintaan pelabur dan jangkaan pihak berkepentingan.

"Program ini dijangka meningkatkan prestasi korporat syarikat senaraian awam Malaysia dengan mewujudkan pasaran lebih menarik untuk pelabur dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan Program Transformasi PLC dan buku panduan digital pada Rabu.

Yang turut serta, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti



TENGKU Zafrul berucap ketika melancarkan Program Transformasi PLC dan buku panduan digital pada Rabu.

Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift.

Program Transformasi PLC yang dimuatkan dalam lima buku panduan digital memberi tumpuan dalam enam teras iaitu memupuk PLC yang didorong prestasi; memupuk ketelusan lebih tinggi; menanam amalan lestar; meningkatkan pengurusan pihak berkepentingan dan hubungan pelabur; menggalakkan penggunaan digital; dan memacu pembangunan bakat yang mantap untuk mengukuhkan pembinaan negara.

Tengku Zafrul berkata, meskipun program berkenaan disasarkan kepada syarikat senaraian awam, perkongsian dalam buku panduan digital juga boleh digunakan untuk memperbaiki prestasi korporat syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). - BERNAMA

nakan untuk komuniti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang lebih meluas.

"Sebagai contoh, Buku 1 merangkumi kewangan dan ukuran prestasi bukan kewangan, pengurusan risiko dan pasaran strategi yang mana bidang ini berkaitan dengan kedua-duanya, sama ada syarikat senaraian awam atau tidak.

"Justeru, saya menggalakkan komuniti PKS yang lebih luas untuk memanfaatkan sepenuhnya program dan sumber yang ada," katanya.

Beliau menjelaskan, melengkapkan Program Transformasi PLC adalah usaha berterusan oleh kerajaan untuk memperbaharui dan mengoptimalkan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). - BERNAMA

Trak baru untuk program 'outreach' kesihatan di Labuan

JABATAN Kesihatan Labuan telah menerima sebuah kenderaan bernilai RM237,882 bagi membantu jabatan itu melaksanakan program 'outreach' kepada komuniti.

Pengarahnya **Dr Ismuni Bohari** berkata pembelian trak Hino 300 dengan kapasiti enjin 3908cc itu telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Bagi membolehkan capaian ke komuniti di seluruh pulau ini menerusi pelbagai program penjagaan kesihatan, kami memerlukan sebuah trak serba guna yang dilengkapi peralatan yang diperlukan."

"Kami berterima kasih kepada KKM atas keprihatinannya terhadap objektif kami untuk membolehkan program penjagaan kesihatan sampai ke-

pada masyarakat," katanya.

Dr Ismuni berkata trak tersebut akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelbagai program penjagaan kesihatan termasuk bagi kanak-kanak, program peningkatan kemahiran, pameran interaktif serta aktiviti kecergasan.

"Trak berkapasiti besar itu mampu mengangkut bahan-bahan untuk menganjurkan pembentangan multimedia, persembahan pentas, aktiviti permainan berperanan, siaran langsung Facebook di luar dan pengagihan bahan promosi kesedaran kesihatan," katanya.

Dr Ismuni berkata kenderaan tersebut juga akan membantu hospital sedia ada jika terdapat keperluan khas seperti kempen vaksinasi. - BERNAMA



TRAK serba guna ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelbagai program penjagaan kesihatan.

Permudahkan urusan pendaftaran demi kebaikan masa depan

Sekolah tahliz rayu bantuan kerajaan

PENGURUSAN Maahad Tahfiz Ad Dirasatil Islamiyyah di Bandar Baru Sri Petaling memohon bantuan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta agensi berkaitan untuk memudahkan urusan pendaftaran institusi berkenaan untuk kebaikan jangka masa panjang.

Pengurusnya, **Halid Md Dali** berkata, kebanyakannya sekolah tahliz yang diuruskan secara persendirian berhadapan dengan masalah tersebut kerana ia berkait rapat dengan soal keselamatan.

"Sebenarnya kita tidak mengambil mudah mengenai pendaftaran kerana ia turut berkait dengan soal keselamatan premis, tenaga pengajar dan pelajar di sesebuah sekolah."

"Jadi dari sudut itu memang kita memerlukan bantuan daripada pihak berkuasa untuk urusan yang berkaitan demi kemudahan sekolah tahliz," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Wilayahku* selepas Program Semarak Kasih Bersama Pelajar



HALID

Tahliz Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Halid berkata, pihaknya turut berhadapan dengan masalah premis yang turut menjadi punca kepada pendaftaran sekolah tahliz tidak dapat dilaksanakan.

"Isu premis ini ada hubung kait dengan masalah keselamatan seperti aliran keluar sekiranya berlaku kecemasan."

Justeru itu, saya berharap agar pihak berkuasa serta agensi terlibat dapat membantu pengusaha seperti saya dalam penyediaan dokumen yang berkaitan untuk memudahkan urusan pendaftaran nanti," katanya.

Sementara itu, Halid mengucapkan kesyukuran kerana pihak KWP tampil untuk memberikan bantuan juga berupa bantuan tunai, peralatan juga makanan sejuk beku serta makanan bermasak untuk keperluan pelajar dan kakitangannya.

Dalam pada itu, Ketua



ROSIDA (tengah) menyampaikan sumbangan dan beramah mesra bersama pelajar Maahad Tahfiz Ad Dirasatil semasa Program Semarak Kasih Pelajar Tahliz WPKL.

Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Datuk Seri Rosida Jaafar berkata, SHWP yang disambut setiap tahun tidak akan meminggirkan golongan rentan kurang bernasib baik serta pelajar yang memerlukan bantuan.

"Sebelum ini kita pergi menyantuni gelandangan, orang kelainan upaya (OKU), jadi pada tahun ini kita melihat pelajar tahliz di ibu negara ini dan mereka wajar disantuni."

"Ini selaras dengan konsep Keluarga Malaysia dan juga atas semangat 'Our City Our Home' yang memayungi semua golongan tidak kira sama ada golongan kaya, miskin dan yang bekeperluan," katanya.

Rosida memberitahu, untuk program tersebut, pihaknya menghulurkan sumbangan berbentuk wang tunai kepada setiap pelajar serta pihak pengurusan sekolah tahliz, barang elektrik serta ba-

rangan makanan untuk keperluan pelajar-pelajar.

"Dalam program ini, kami akan mengunjungi tiga buah pusat tahliz di Sri Petaling, Kampung Desa Pahlawan, Jalan Ampang Batu dan seterusnya Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang akan menyantuni mereka pada bulan Mac nanti."

"Kami turut menghulurkan sedikit bantuan berupa wang tunai untuk semua pelajar dan tenaga pengajar bernilai RM100 seorang, mesin basuh, alat pendingin hawa, peti sejuk, tilam dan bantal, makanan sejuk beku termasuk ikan dan ayam untuk keperluan pelajar-pelajar."

"Pihak YWP menyumbangkan makanan kering manakala makanan bermasak adalah daripada pihak JAWI," katanya.

Beliau turut menyeru semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat-syari'at korporat untuk menghulurkan bantuan dan keperluan tertentu untuk semua pusat tahliz di sekitar Kuala Lumpur yang diuruskan secara persendirian. **WK**

Orang ramai gembira berkunjung ke pantai buatan di Putrajaya

SABRINA SABRE

ANJUNG Floria yang dahulunya dipenuhi flora kini berwajah baharu dengan pembinaan pantai berpasir buatan untuk pengunjung.

Malah lokasi yang baru dibuka Selasa lalu dijangka mendapat sambutan menggalakkan sekali gus membantu menjana ekonomi Putrajaya.

Bertempat di Presint 4, Putrajaya, Sisiran Floria merupakan salah satu tarikan terbaru pelancongan dan pusat aktiviti rekreasi yang dikelilingi alam semula jadi.

Berkeluasan 600 meter persegi dan 100 meter panjang, ia merangkumi kawasan air, kawasan berpasir dan tempat duduk bertingkat yang dapat memuatkan kira-kira 150 orang pada satu-satu masa.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati pengunjung yang hadir tidak melepaskan peluang untuk berkayak, memancing dan bersantai bersama keluarga di tepi tasik.



MAHADI

Menurut seorang pengunjung, **Mahadi Abdul Razak**, 57, dia bersama isterinya datang seawal puluk 9 pagi dari Seremban untuk memancing di kawasan tersebut selepas mengetahui melalui laman Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj) yang ia sudah dibuka.

"Walaupun jauh dari rumah namun saya akan datang lagi bersama keluarga. Tempat ini menarik, tenetaran dan tidak panas."

"Ditambah pula berhadapan dengan tasik yang cantik macam ini, *masya-Allah*," katanya yang amat teruja dengan suasana persekitaran pantai buatan itu.

LAGI GAMBAR DI MUKA 12

Menurut pesara Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) itu lagi, dia gembira dapat meluangkan masa di lokasi tersebut memandangkan ia berbeza dengan pantai buatan sedia ada di Presint 5.

Antara kemudahan lain disedi-



PELANCONG asing turut mengambil peluang berkunjung ke Sisiran Floria yang mula dibuka pada 1 Mac lalu.

kan adalah kawasan rehat dan rawat *Putrajaya Cycling Route* yang menjadikan Anjung Floria sebagai Pit Stop Utama dan mempunyai sebanyak lapan laluan berbasikal dengan jarak keseluruhan 180 kilometer (km) buat penggemar aktiviti ber-

basikal di Putrajaya.

Sebelum ini *Wilayahku* melaporkan pantai berpasir yang bersumberkan air tasik Putrajaya dengan Indeks Kualiti Air (IKA) kelas 2A yang membolehkan aktiviti bersentuhan dengan air. **WK**



REAKSI Pantai Floria

PANTAI Floria adalah tempat yang sangat sesuai untuk beriadah bersama keluarga kerana tempat ini bukan sahaja mempunyai pantai untuk bermandi-manda tetapi juga dilengkapi fasiliti serta keindahan flora dan fauna.

GANESHA NAVEEN, 33, Aircraft Mechanic

ANAK-anak saya sangat seronok bila saya beritahu mereka di

Putrajaya telah dibuka sebuah pantai. Selalunya jika kita hendak bermain pantai, kita perlu bergerak jauh ke Port Dickson misalnya, jadi saya pasti tempat ini akan mendapat tarikan daripada pengunjung dalam mahupun luar negara.

SITI NOR AIN SAHID, 45, Suri Rumah



Takut DBKL rampas

Sorok sayur dalam longkang

MENJIKKAN... itulah sikap penjaja warga asing yang sanggup menyorokkan berbagai jenis sayuran dan makanan kering dalam longkang serta lorong kotor bagi mengelak dirampas pihak berkuasa.

Berikutan kekerapan operasi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penjaja asing yang masih berdegil menggunakan taktik tersebut untuk berniaga di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur, Pusat Bandar Utara dan Taman Wilayah.

Bagaimanapun taktik itu tidak berhasil apabila anggota DBKL yang melakukan operasi semalam berjaya mengesan dan menyita barang jualan milik penjaja haram berkenaan.

"Sebanyak enam tindakan sita telah dilaksanakan di bawah kesalahan UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja 2016 terhadap penjaja yang menjalankan perniagaan tanpa lesen perniagaan yang sah."


"Tindakan seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi mengelak lambakan penjaja warga asing dan penjaja tanpa lesen di kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur dan sekitar pusat bandar utara," jelas DBKL dalam satu kenyataan.

Baru-baru ini, DBKL turut menggempur lokasi Pasar Pudu dan Pasar Harian Selayang bagi membentras aktiviti peniaga warga asing tanpa lesen.

Di Pasar Pudu, tindakan sita serta-merta dilaksanakan oleh petugas DBKL manakala tiga lot gerai dikenyalikan warga asing dikesan hasil pemeriksaan di Pasar Harian Selayang.

"Empat notis kompaun kesalahan mengikut seksyen 38(1)(c) UUK Pasar (WPKL) 2016 dikeluarkan. Menjadi kesalahan kepada pemilik gerai berikutnya mereka tidak boleh mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah.

Sementara itu, hasil daripada ban-



PENGUAT kuasa DBKL melakukan pemeriksaan awal pagi untuk memastikan penjaja warga asing tidak bermiaga.



KERATAN akbar Wilayahku edisi 155.

cian yang dijalankan di sekitar dalam kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini mendapat seramai sembil-

lan orang warga asing berada di dalam kompleks.

"Tujuh daripadanya ditemui ketika sedang berlegar-legar di sekitar dalam kompleks. Manakala dua orang lagi ditemui di pintu masuk kompleks. Kesemua warga asing tersebut telah ditahan bagi tujuan dokumentasi dan rekod. Mereka telah diarah untuk keluar daripada kompleks tersebut serta-merita kerana tiada urusan berkaitan," ujar DBKL.

Pemantauan dan tindakan penguatan 24 jam ini akan diteruskan dari semasa ke semasa. Warga kota disaran untuk terus menyalurkan maklumat kepada DBKL secara atas talian seperti link yang telah disediakan: <https://adukl.dbkl.gov.my>. WK



GUNI bawang putih yang disorok dalam longkang untuk menggelakkan rampasan pihak berkuasa.



ANTARA barang yang dirampas dari penjaja warga asing.

SIDANG REDAKSI
PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN
Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashimwilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN
Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

CERITA KEDAI KOPI

PRN Johor biar harmoni

SELESAI sudah penamaan calon Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor pada Sabtu 26 Februari lalu, tinggal menunggu hari mengundi pada 12 Mac 2022.

PRN Johor diadakan setelah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ismail berkenan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 22 Januari 2022. Johor ialah negeri keempat mengadakan pilihan raya selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Sebelumnya Sabah, Melaka dan Sarawak.

Kawan-kawan Kedai Kopi melihat meriah sungguh PRN Johor ke-15 ini. Seramai 239 calon akan bertanding untuk merebut 56 kerusi DUN, termasuk calon Bebas. Parti yang bertanding ialah Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN), Pejuang, Warisan dan Muda serta calon Bebas.

Jumlah pengundi layak ialah 2,574,835 orang, dengan majoritinya adalah pengundi biasa, diikuti pengundi awal terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta polis. Selain itu ialah pengundi tidak hadir luar negara.

Persaingan dijangka hebat. Masing-masing berharap menang dengan kerusi majoriti untuk membentuk kerajaan negeri. Namun pengundi yang akan membuat penentuan.

Namun bagi kawan-kawan Kedai Kopi, isu utama pada peringkat ini ialah memastikan PRN berjalan licin dan lancar tanpa sebarang kejadian tidak diingini.

Gunakan peluang berkempen untuk menyampaikan mesaj kepada rakyat tanpa menyentuh isu peribadi yang boleh menyebabkan berlaku balas membela bertikam lidah yang menyebabkan hubungan sesama individu menjadi tegang serta membenihkan permusuhan.

Tugas parti politik atau calon adalah untuk meyakinkan pengundi dengan manifesto masing-masing. Lakukan itu dengan penuh adab sopan. Selebihnya adalah tugas pengundi memilih siapa yang mereka kehendaki sebagai wakil dalam DUN.

Inilah amalan demokrasi yang sebaik-baiknya untuk diperlakukan. Kawan-kawan Kedai Kopi percaya ahli-ahli politik dapat menghayati dan mematuhi keperluan demokrasi ini serta menjadikannya pegangan sepanjang masa.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya pengundi di Johor sudah cukup matang membuat penilaian dan pemilihan calon yang berkualiti menjadi wakil rakyat. Inilah hakikat yang mesti dihormati oleh semua pihak.

Larangan hisap rokok diabai

LARANGAN menghisap rokok di premis menjamu selera seperti restoran atau gerai masih berkuat kuasa. Kebenaran untuk makan minum dalam premis atau *dine in* tidak bermakna menghisap rokok dibenarkan.

Namun kebelakangan ini daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, menghisap rokok bagi sudah tiada halangan di premis makanan. Ramai yang bebas menyedut rokok sambil menikmati makanan atau minuman.

Pemilik restoran atau gerai makanan juga tidak kelihatan menegur mereka. Mungkin mereka takut pelanggan pula kembali memarahi. Cara terbaik diam sahaja untuk tidak menimbulkan rasa tidak senang hati pelanggan.

Tetapi bagi perokok, adakah mereka tidak tahu peraturan dikenakan? Atau adakah kerana menyedari isu tersebut seperti sudah 'sejuk' tanpa tindakan diambil sehingga mereka tidak peduli lagi.

Oeh itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap pemilik premis makanan mestilah tegas dan berani memberi ingatan yang menghisap rokok di premis mereka. Janganlah bimbang hilang pelanggan kerana teguran berkenaan.

Larangan merokok adalah untuk memberi keselesaan kepada pengunjung premis makanan, terutama yang tidak merokok, untuk menjamu selera dalam persekitaran yang tidak dicemari oleh asap rokok.


Kerana itu pihak berkuasa wajar melakukan rondaan dan bertindak tegas ke atas mereka yang degil. Pemilik premis makanan yang didapati membiarkan pelanggan menghisap rokok dalam premis juga wajar dikenakan tindakan tegas. Jika ingin menghisap rokok, beredarnlah dahulu daripada premis makanan.



1 MAC



Tahun Penubuhan
PERBADANAN PUTRAJAYA
1996-2022

www.ppj.gov.my

Putrajaya



perbadananputrajaya



putrajayacorp



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

ANTARA perkara yang memagut perhatian saya ketika mula menjelak kaki ke Kuala Lumpur 38 tahun lalu ialah orang gelandangan.

Walaupun ligat berfikir tetapi saya belum boleh hadam bahawa ada orang hidup tidak berumah di Kuala Lumpur. Sepanjang hayat menumpang bermalam di kaki lima. Kalau tidak melihat sendiri sudah tentu saya menganggap itu hanya cerita rekaan sahaja.

Kewujudan gelandangan memberikan kejutan budaya kepada saya. Sukar untuk percayai bahawa Kuala Lumpur yang sinonim dengan kemajuan dan kemewahan masih ada orang hidup di kaki lima.

Apakah makna kemajuan kalau tidak dikongsikan dengan semua yang menjadi warga di kota ini? Bagaimanapun soalan ini sudah basi, tidak menjentik siapa pun untuk difikirkan lebih khusus mengenai gelandangan.

Saya tidak pasti berapa banyak yang ikut rasa tertanggung dengan masalah gelandangan di Kuala Lumpur. Barangkali terlalu sedikit kerana mereka juga terbeban dengan himpitan hidup yang tersendiri.

Banyak juga menyekutukan gelandangan dengan jenayah. Memang ada dalam kalangan gelandangan ini penagih dadah, penyeluk saku atau penjaga kereta haram yang sesetengahnya mengugut dan memeras.

Bagaimanapun tidak adil dipukul rata begitu rupa pekerti seluruhnya.

Sebenarnya 46 peratus yang menjadi gelandangan disebabkan tidak ada pekerjaan. Peratusan ini walaupun tidak boleh dipegang sebagai tanda aras miskin bandar di Kuala Lumpur, tetapi memberikan sedikit gambarannya.

Definisi 'tidak ada kerja' sebenarnya lebih pada kerja yang bergaji berbanding kerja seperti menjaga tempat letak kereta secara haram.

Sementara itu lebih 17 peratus pula kerana miskin akibat daripada berpendapatan terlalu rendah.

Golongan ini juga memilih menjadi gelandangan, setidak-tidaknya tidak menanggung beban belanja sewa ruang kediaman.

Mereka bekerja dan pulang ke kaki lima sementara menunggu hari siang. Demikianlah rutinnya – kerja dan bermalam di kaki lima.

Kisah gelandangan di Kuala Lumpur



KAJIAN menunjukkan 46 peratus yang menjadi gelandangan disebabkan tidak ada pekerjaan.

Faktor yang membuatkan seseorang itu tidak ada kerja adalah berbagai-bagai. Dulu ketika berlaku kemelesetan ekonomi tahun 1987, banyak juga yang diberhentikan kerja.

Walaupun bekerja dengan gaji yang kecil, tetapi kehilangan kerja dengan pantas menjadikan seseorang itu miskin.

Rasa miskin itu datang secara psikologi hingga ada juga yang menderita hingga menjelaskan kesihatan mental.

Kemudian kemelesetan ekonomi tahun 1997 juga tidak kurang hebat pukulannya. Kesan daripada pandemik COVID-19 yang membuatkan banyak majikan terpaksa memberhentikan operasi juga menjadi antara penyumbang bertambahnya gelandangan terutama di Kuala Lumpur.

Pada awalnya tidak ada siapa yang merancang menjadi gelandangan. Tetapi mereka menjadi gelandangan apabila semua jalan sudah tertutup – setidak-tidaknya pada tahap usaha mereka.

Walaupun bukan satu jenayah, tetapi gelandangan berdepan dengan pandangan buruk masyarakat.

Bukan sahaja kerana kemiskinan tetapi kecurigaan yang tercetus daripada persepsi terlibat dengan jenayah dan juga dah.

Sudah 38 tahun saya melihat konsistensi gelandangan di

Kuala Lumpur. Boleh dikatakan masalah ini tidak pernah selesai.

Tetapi saya tidak pantas menyalahkan penguasa Kuala Lumpur atau kerajaan. Saya melihat masalah ini sudah menjadi satu kitaran hidup kepada satu kelompok.

Generasi ketika saya mulamula merantau ke Kuala Lumpur mungkin sudah tiada dan diganti dengan pelapis baharu.

Banyak kali juga saya berbual di sisi peraduan mereka di kaki lima. Sambil belanja beberapa bungkus nasi lemak dan teh tarik ikat tepi, saya mencungkil kisah yang membawa mereka ke kaki lima.

Saya sangat terkejut apabila ada dalam kalangan mereka yang bekerja. Mereka memilih menjadi gelandangan dan tidur di kaki lima kerana biaya ruang kediaman di Kuala Lumpur sangat tinggi.

Banyak juga yang mempunyai keluarga di kampung. Mereka berkorban tidur di kaki lima untuk menjimatkan belanja sewa bilik di Kuala Lumpur.

Duit sewa bilik itu lebih diperlukan untuk membeli susu anak yang jauh di kampung halaman. Kisah-kisah begini hanya ditemui apabila kita mendekati dan cuba memahami mereka.

Ketika tahun 1990-an dulu saya berkawan dengan seorang gelandangan yang lebih tua – kawan-kawannya hanya

“Saya sangat terkejut apabila ada dalam kalangan mereka yang bekerja. Mereka memilih menjadi gelandangan dan tidur di kaki lima kerana biaya ruang kediaman di Kuala Lumpur sangat tinggi.”

memanggil dia Muin.

Umurnya ketika itu dalam lingkungan 40-an. Muin meninggalkan keluarganya di Perak untuk menjadi pengawal keselamatan di Kuala Lumpur.

Gajinya sangat kecil dan Muin tidak ada pilihan kecuali menumpang tidur di kaki lima. Belanja sewa bilik digunakan untuk keluarga dan rumahnya hanya sebuah beg sandang yang dalamnya ada dua pasang seragam, kain pelikat dan sehelai seluar.

Setiap malam, selepas sembahyang di Masjid Jamek, dia kembali ke kaki lima deretan bangunan di Lebuh Pasar.

Tetapi banyak kali juga mimpi indahnya terpancung dan dia bercempera melarikan diri apabila diserbu oleh pihak penguat kuasa.

Kalau kerja shift malam, sebelah siang dia akan berehat di setor kecil di tempat kerja. Itulah rutin hidup Muin yang bertahun-tahun di Kuala Lumpur.

Saya telah terputus hubungan dengan Muin, tetapi generasi pelapis seperti Muin terus menggantinya di Kuala Lumpur.

Bayangkan dengan gaji minimum RM1,200 sebulan dan majikan terlalu liat untuk naikkan menjadi RM1,500, saya percaya banyak yang terpaksa menjadi gelandangan.

Inisiatif pihak berkuasa Kuala Lumpur mewujudkan rumah Anjung Kasih adalah suatu yang sangat baik.

Berkonsep rumah

persinggahan, hanya untuk bermalam dan bukan untuk didiami secara berterusan.

Menjelang malam gelandangan boleh menumpang di Anjung Kasih dan keluar esoknya. Kemudian menumpang lagi sekiranya ada kekosongan.

Gelandangan adalah masalah di semua bandar-bandar besar seluruh dunia.

Walaupun begitu kita tidak boleh membiarkan ini menjadi masalah semula jadi di Kuala Lumpur.

Pendekatan Kementerian Wilayah Persekutuan membantu mendapatkan pekerjaan termasuk di luar Kuala Lumpur adalah suatu yang sangat tepat dan perlu diteruskan.

Ketika ini dianggarkan tidak kurang 2,000 gelandangan berada di lebih 20 pangkalan (port) di Kuala Lumpur.

Walaupun mereka boleh ditahan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 dan dihantar ke rumah kebajikan, tetapi inisiatif mengubah kehidupan orang gelandangan perlu lebih jauh daripada itu.

Keberadaan gelandangan di Kuala Lumpur bukan mencacatkan pemandangan tetapi memantulkan sikap kita terutama pembuat dasar terhadap kelompok ini.

Golongan ini tidak boleh dipinggirkan dan usaha membantu mengeluarkan mereka daripada lingkaran gelandangan mesti diteruskan tanpa jemu.

SAJAK

LILIN HARI JADI

Ruang itu makin sempit
lilin-lilin hari jadi
terbakar memakan dian usia
tanpa kau sedari

Usia kau rai makin menyusut
kini ruang itu makin sempit
cahaya yang meliuk
seperti perjalananmu
makin dimamah waktu

Lilin-lilin hari jadi yang kau habus
dimakan api pada setiap tahun
sumbu ingatan itu dinyalakan

Kau sedang mengutip warna senja
di hujung perjalanan
sebelum kau temui rumah kesunyian

Ah...
lilin-lilin yang kau tiup
sudah tiada erti lagi
pada tahun-tahun yang kau tinggalkan

Mamu MK Hasny

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Kembalikan kereta kabel, kerusi angkut Bukit Nanas

RINDU rasanya kepada kereta kabel (cable car) dan kerusi angkut (chairlift) Bukit Nanas. Masih terbayang dahulu ketika menaiki kedua-duanya. Alangkah bagusnya jika dua tarikan pelancong di ibu negara ini diwujudkan kembali.

Demikian luahan rakan Adi ketika kami santai berbual sambil menghirup teh dan menikmati roti canai di sebuah gerai pada satu pagi baharu-baru ini.

Kata-kata rakan ini membuat Adi sendiri teringat kemeriahannya ketika kereta kabel dan kerusi angkut Bukit Nanas beroperasi pada awal tahun 70-an. Kini kedua-duanya sudah menjadi sejarah setelah operasinya dihentikan dalam tahun 80-an.

Memori menikmati keindahan Kuala Lumpur dari udara dengan menaiki kedua-dua pengangkutan udara itu masih terbayang di ruang mata, menjadi kenangan mengusik jiwa ketika zaman remaja. Adi percaya ramai warga kota juga masih menyimpan kenangan ini.

Terdapat banyak tarikan pelancongan di ibu negara masa kini, antaranya Menara Kuala Lumpur, Dataran Merdeka, Muzium Negara, Tugu Negara, Masjid Negara, Menara Berkembar Petronas serta taman-taman yang indah menyajikan pemandangan.

Namun generasi kini mungkin tidak mengetahui bahawa di awal tahun 70-an, kereta kabel dan kerusi angkut di Bukit Nanas adalah tarikan popular di kalangan pelancong tempatan dan luar negara. Ia adalah destinasi wajib bagi pelawat ke ibu negara.

Lokasinya ialah di kawasan hijau Bukit Nanas, di persimpangan Jalan Ampang dan Jalan Sultan Ismail, di tengah bandar raya. Dahulu dikenali sebagai Hutan Simpan Bukit Nanas.

Kini kawasan ini dikenali sebagai Taman Hutan Eko Bukit Nanas. Antara landmark dalam kawasan ini ialah Menara Kuala Lumpur, dan dua sekolah mubaligh terkenal iaitu St. John's Institution dan Convent Bukit Nanas.

Adi sendiri pertama kali berpeluang merasa menaiki kereta kabel dan kerusi angkut ini apabila menjelaskan kaki ke ibu negara dari kampung untuk menyambung persekolahan dalam tingkatan empat pada 1972.

Kereta kabel atau dikenali juga sebagai *bubble car*, dan kerusi angkut ini unik kerana ia membolehkan pelancong merasai keseronokan menaikinya dalam dua situasi berbeza. Pertama menaiki kereta kabel yang bertutup, bermula dari platform stesen Bukit Nanas.

Dari dalamnya, sambil



KERETA kabel Bukit Nanas pada awal 70-an. Kredit: New Straits Times

kereta kabel bergerak ini, dapat disaksikan dua versi kontras ibu negara, hutan konkrit yang melambangkan kemajuan pesat ibu kota, serta hutan hijau dengan pokok dan flaura fauna untuk mengimbangi pembangunan. Perbezaan ini dalam persekitaran bersebelahan antara satu sama lain.

Kedua ialah kerusi angkut yang terletak di sebelah platform kereta kabel. Sebelum kerusi bergerak sampai ke stesen, orang ramai bersiap sedia menanti. Apabila sampai sahaja perlu segera menaikinya. Keadaannya seperti menaiki buaian dengan kaki terjuntai.

Kerana ia terbuka, pergerakan pelancong akan terdedah kepada suasana sekitar, redup atau panas, sambil dibuai oleh udara segar dan sejuk pepohon hijau. Pemandangan memang menyegarkan. Perjalanan akan menuju ke arah kawasan paling hijau di Bukit Nanas.

“Kerana ia terbuka, pergerakan pelancong akan terdedah kepada suasana sekitar, redup atau panas, sambil dibuai oleh udara segar dan sejuk pepohon hijau. Pemandangan memang menyegarkan. Perjalanan akan menuju ke arah kawasan paling hijau di Bukit Nanas.”

kawasan paling hijau di Bukit Nanas.

Ketinggian kereta kabel dan kerusi angkut ini ialah lebih kurang 300 hingga 400 meter dari bumi. Masa perjalanan pula ialah antara 15 hingga 20 minit.

Ada yang tidak berani menaiki kerusi angkut kerana gayat. Justeru boleh sahaja menaiki kereta kabel. Setelah sampai ke destinasi, dan jika

inginkan pengalaman berjalan kaki, boleh berpatah balik melalui laluan khas. Jika tidak boleh sahaja menaiki semua kereta kabel atau kerusi angkut itu untuk kembali ke stesen mula.

Untuk tanda ingatan dan kenangan-kenangan, pada penghujung platform di kedua hala terdapat kedai untuk pelancong memilih pelbagai cenderamata yang dijual. Bolehlah memilih mana yang berkenan



KERUSI Angkut di Bukit Nanas pada awal 70-an. Kredit: Syahril Kadir

di hati.

Sayang sekali tarikan pelancong yang popular ini dihentikan perkhidmatannya pada awal 80-an. Tidaklah Adi pasti sebab sebenar ia dihentikan. Yang pasti ibu negara kehilangan satu aset pelancongan yang sangat berharga dan mendapat sambutan hebat ketika itu.

Kerana itu Adi setuju dan menyokong sebarang usaha agar kereta kabel dan kerusi angkut ini diwujudkan kembali. Bukan sahaja ia menambah tarikan pelancongan di Kuala Lumpur tetapi juga membolehkan generasi masa kini menikmati keindahan ibu negara melalui kereta kabel dan kerusi angkut seperti suatu ketika dahulu.

Dengan kehadiran Menara Kuala Lumpur di kawasan Bukit Nanas, amat bersesuaian sekali kedua-dua pengangkutan udara ini dihidupkan kembali sebagai menambah seri dan kemeriahannya tersebut, di samping menjadi ‘pengiring’ kepada Menara Kuala Lumpur menjadi tempat tumpuan pelancong.

Adi percaya jika ia dikembalikan, kedua-duanya pasti mendapat sambutan hangat untuk pelancong menyaksikan keindahan ibu kota dari udara. Juga ia bakal menjadi pusat pelancongan keluarga untuk bersantai dan berlibur. Malah ia mungkin boleh dikembalikan dalam suasana yang lebih hebat dan menarik daripada dahulu.

Memang kini boleh merasa naik kereta kabel di Genting Highlands dan Langkawi, namun suasannya berbeza dengan suasana di ibu kota. Sementara di Genting Highlands dan Langkawi dalam suasana bukit dan gunung, di Bukit Nanas ia menyerlahkan suasana bandar raya.

Beberapa tahun lalu

pernah ada laporan akhbar kereta kabel ini akan diwujudkan kembali dan kawasan Bukit Nanas akan dimajukan dengan beberapa tarikan pelancongan lain. Kesemuanya bertujuan menjadikan kawasan tersebut kawasan tarikan pelancongan ulung. Namun sehingga kini ia belum menjadi kenyataan.

Kerana itu Adi ingin sangat melihat apa yang pernah dilaporkan itu menjadi kenyataan. Adi percaya ini juga harapan warga Kuala Lumpur yang mahu aset pelancongan di ibu negara itu kembali beroperasi.

Justeru Adi syorkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan memikir dengan serius mengenai perkara ini. Dalam suasana ibu kota yang bergerak maju, ia harus diiringi dengan pembangunan sektor pelancongannya.

Adi-Seronok naik kerusi angkut.

Adi Taib

MAKLUMAN AWAM

SINDIKET BITCOIN: KERAJAAN RUGI RM2.3 BILION

Sindikit melombong bitcoin yang diketahui curi elektrik Beroperasi di 998 premis seluruh negara

7,200 sindikit dikenali di Malaysia antara 2018 – 2021

No	Stesen (2,216)	Pekan (349)	Kuala Lumpur (733)	Alor (722)	Negeri Sembilan (599)	Kedah (185)	Pahang (444)	Melaka (214)	Perlis (288)	Kelantan (35)	Perlis (56)	Terengganu (52)
----	----------------	-------------	--------------------	------------	-----------------------	-------------	--------------	--------------	--------------	---------------	-------------	-----------------

KESAN MELOMBONG SECARA HARAM

Kerugian kepada TNB

- Ministerial atau elektrik kepada:
- Klinik
- Hospital
- Pusat rehatan statik

Decaferit kerangka yang mengakibatkan 500 premis di Semenanjung Malaysia

OP POWER

Dikemaskini SPRM pada 28 Feb 2022

18 warga tempatan kerugian dolang semasa kerangka

30,500 tanah dilanggar

Decaferit kerangka yang mengakibatkan 500 premis di Semenanjung Malaysia

Berang elektrik

- Wang tunai RM232,880
- 1,157 e-selular ditengarai bernilai RM2.3 juta
- e-chopper RM82,000
- Macam wang ringgit RM103,545.38
- 5 kilometer (BMW, Honda Accord, Toyota Vellfire, Ford Ranger & Avail, Peugeot 308GT, Mitsubishi Lancer)
- 97 individu
- Bersuru RM44,470

Barang dilanggar

- 126 akuan
- 100 bekalan makanan
- 500 pakaian
- 500 sepatu

SAJAK

KESATRIA BANGSAKU

Jika hilangmu tanpa pusara,
Jika pusaramu tanpa nama,
Jika pusaramu tanpa bunga,

Mereka mengatakan kamu penderhaka,
Engkau tetap satria,
Satria Bangsa,
Satria Rakyat,
Tujuh liang dadanya tersayat,
Semoga damai kamu di sana,

Berehatlah wahai Satriaku,
Biarkan kami meneruskan perjuangan ini,
sehingga ke garisan penamatnya.

Kyra Ezzara
Setiawangsa, Kuala Lumpur

Tiada bantuan khas bencana

YWP terus komited bantu warga WP

DIANA AMIR

BENCANA sesuatu yang sukar untuk diramal. Sejak akhir-akhir ini, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sering berhadapan dengan bencana seperti banjir, tanah runuh dan kebakaran.

Terbaru, satu kebakaran berlaku di Kondominium Pelangi, Jalan Pelangi, Kuala Lumpur yang melibatkan sebuah unit kondominium.

Peka dengan musibah yang melanda, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) merupakan antara wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang pertama turun padang bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa terlibat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, YWP meringankan beban mangsa dengan menyalurkan sumbangan berupa wang tunai dan bakul makanan.

"Mujurlah tiada kemalangan jiwa dilaporkan memandangkan

ketika kejadian kesemua mangsa tiada di rumah.

"Kediaman tersebut musnah hampir 90 peratus, jadi buat masa ini, pasangan suami isteri bersama dua orang anak terpaksa menumpang rumah ibu mereka memandangkan tiada pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka," ujar beliau.

Dalam kejadian tersebut, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kuala Lumpur (APM) menerima panggilan kecemasan pada pukul 6.14 petang dan kebakaran berjaya dipadamkan oleh pihak bomba namun punca kebakaran masih di dalam siasatan.

Ditanya tentang peruntukan khas bagi bantuan bencana, Zaizalnizam berkata sumbangan yang disampaikan adalah di bawah sumbangan khas.

"YWP sentiasa cakna dengan nasib dan keadaan warganya terutama mereka yang ditimpah musibah dan akan sentiasa turun padang dalam menyampaikan bantuan



MANGSA kebakaran Kondominium Pelangi (kanan) menerima sumbangan bakul makanan dan wang tunai sebanyak RM500 daripada pihak YWP.

yang diperlukan supaya kehidupan mereka dapat diteruskan dengan lebih baik.

"Bagi mana-mana warga

Wilayah Persekutuan yang mahu mendapatkan bantuan atau mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi YWP di tal-

ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000	Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000	Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852	Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489
---	---	--	---

ian 03-26983073/2073 atau email di info@yayasanwp.org.my atau WhatsApp di 019-3483073.

"Orang ramai juga boleh melaraskan laman sesawang kami www.yayasanwp.org.my bagi mengetahui lebih lanjut berkenaan skim bantuan yang disediakan di bawah YWP," ujarnya. **WK**

NGOG pelawa vendor tempatan serta penternakan Alga Bertangki

DIANA AMIR

NEXT Generation Oil Group Sdn Bhd (NGOG) mempelawa pengilang tempatan untuk menyertai Program Pembangunan Vendor Ladang Alga Bertangki (ATF-VDP) terbaharunya bagi menyokong penternakan alga mikro seluas 38,000 ekar.

Pengerusi Eksekutif NGOG, **Datuk Indera Mohamed Moiz J.M. Ali Moiz** berkata ia adalah sebahagian daripada usaha dalam membantu Malaysia mencapai Sifat Bersih Pelepasan Karbon (NZCE) sebelum 2050.

"ATF-VDP ini akan diuruskan bersama Boustead Holdings Bhd di mana kita memerlukan 15 juta tangki untuk menternak alga di

dalam tempoh 10 tahun akan datang, yang akan menghasilkan 68 juta tan alga biomas, menyerap lebih kurang 76 juta tan CO₂ dan menghasilkan 34 juta tan minyak mentah berdasarkan alga dan kepingan alga kering.

"Ia akan menjadi projek 'Saya Adalah Ladang Alga Bertangki' dengan pengenalan minyak karbon neutral dan bahan mentah sebagai kenyataan," katanya ketika majlis pelancaran ATF-VDP yang dirasmikan secara maya oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Adham Baba.

Tambahnya melalui ATF-VDP, NGOG dan Boustead akan mengejutkan pasti individu dan syarikat yang boleh menghasilkan tangki khas seperti diperlukan di bawah

paten A-MAP Seni Bina Kolam Reka Bentuk Sarang Lebah untuk mendapatkan densiti alga biomas dengan hasil dan skala disasarkan.

"Kami juga sedang mencari vendor di dalam rantaian bekalan yang lain ketika kami beralih ke operasi optimal bagi memenuhi permintaan global yang diunjurkan untuk minyak mentah berdasarkan alga.

"Di mana ia boleh diproses menjadi bio-diesel, bio-gasolin serta bahan api penerbangan yang mampan untuk kegunaan di dalam sektor pengangkutan dan tenaga, juga lebihan biomas kepingan alga kering yang boleh digunakan untuk pulpa kertas, makanan pertanian dan

akuakultur, biomas penjanaan tenaga dan baja," ujarnya sambil menambah anggaran jumlah keseluruhan pembangunan untuk 38,000 ekar ladang alga adalah lebih kurang USD38 bilion.

Dalam pada itu, beliau berkata The United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei turut mengalau-alukan NGOG sebagai ahli penuh pertama

dan terbaharu di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui.

"Kedua-dua pihak akan mengekalkan cara untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang penternakan alga sebagai sinki karbon dan pengeluaran minyak mentah berdasarkan alga sebagai stok makanan ternakan yang neutral karbon untuk bio bahan api," tambahnya. **WK**



INDERA Mohamed Moiz (kiri) bersama Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Boustead, Izaddeen Daud ketika Majlis Perasmian ATF-VDP, baru-baru ini.

TEMA
"FOTOGRAFI JALANAN KUALA LUMPUR"
HADIAH KESELURUHAN RM10,000

01 - 31 MAC 2022
PENYERTAAN PERCUMA
TERBUKA KEPADA SEMUA WARGANEGARA MALAYSIA
 MUAT TURUN BORANG PENYERTAAN
www.dbkl.gov.my/fotografidbkl

REALITI KEHIDUPAN

Ronda kota

4 - 10 MAC 2022 . BIL 156

DALAM KOMUNITI (PPDK)
SINAR@9 PUTRAJAYA

Wilayah Ku

PPDK bimbing 'anak syurga' berdikari



Sinar harapan buat anak 'syurga'



SABRINA SABRE

PERTUBUHAN Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) atau 'Community-Based Rehabilitation' (CBR) merupakan salah satu program latihan yang ditawarkan oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU).

Tujuan utama penubuhan PPDK Sinar@9 adalah menyediakan kelas dan pusat latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian.

Menurut Pengurus PPDK Sinar@9, **Roslan Hussin**, PPDK dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

"PPDK Sinar@9 menempatkan pelatih berusia dua sehingga 18 tahun dan antara jenis kecacatan yang berdaftar adalah seperti diagnosis Autism, Cerebral Palsy, Syndrome Down dan Global Development Delay (GDD)."

"Di sini kita mempunyai seramai 28 orang pelatih, enam orang petugas dan seorang penyelia sejak ia ditubuhkan pada 29 Januari 2018. Kami telah beroperasi sepenuhnya pada 1 Jun 2018 dengan pendaftaran seramai 17 orang pelatih berumur tiga hingga 16 tahun."

"Pendaftaran mula meningkat kepada 23 orang pelatih pada tahun 2019, tahun 2020 seramai 24 orang manakala tahun 2021 meningkat lagi kepada 26 orang dan tahun 2022 sebanyak 28 orang. Pelatih ini bersilih ganti pada setiap tahun ke Sekolah Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi yang berkelayakan," katanya.

Ujar Roslan, mereka mempunyai *routine board*,

Rhythmic Movement Training (RMT), *brushing* untuk individu dan berkumpulan di samping menjalankan program Picture Exchange Communication System (PECS) iaitu sistem bergambar sebagai kaedah pembelajaran dan komunikasi pelatih.

"Bermula pukul 8:30 pagi, setiap pelatih perlu mengikuti jadual rancangan pembelajaran individu yang telah ditetapkan kerana seperti yang kita tahu anak-anak yang menghidap autism ini tidak bercampur dengan orang, tetapi di PPDK

Sinar@9 kami dedahkan mereka dengan aktiviti berkumpulan supaya mereka bergaul sesama sendiri agar tiada sebarang masalah yang berlaku apabila mereka berada di luar nanti.

"Bukan itu sahaja, untuk anak yang menghidap cerebral palsy, kami turut mengadakan aktiviti terapi khusus iaitu terapi psikologi manakala pelatih yang lain kita akan buat RMT untuk merangsang otak mereka," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Isnin.

Jelas Roslan, kekurangan itu bukan penghalang buat anak syndrome down kerana mereka mampu berdikari dengan menjalani rutin harian seperti orang lain.

"Untuk anak autism, pihak kami sendiri kena bimbing mereka sebagai contoh sebaik sahaja tiba di sini, mereka perlu duduk di ruangan menunggu sambil menonton televisyen dan melakukan RMT seterusnya melakukan *brushing* sementara menunggu untuk aktiviti berkumpulan sebelum diambil bagi sesi terapi," katanya yang turut memberitahu pada peringkat awal ia memang susah, tetapi asbab latihan yang diberikan, mereka berjaya melaksanakan aktiviti harian dengan sistematis.

ELAUN SETIAP BULAN

SELAIN itu, Roslan memaklumkan pihaknya turut membuat penilaian secara berkala untuk mendapatkan maklum balas daripada ibu bapa sejak tarikh pertama mereka menghantar anak mereka ke PPDK Sinar@9.

"Syukur alhamdulillah, kebanyakan maklum balas yang diterima adalah positif. Walaupun sedikit perubahan, kami sudah berasa teruja apatah lagi keluarga



MUHAMMAD HAFIY ANAQI



PPDK Sinar@9 ditubuhkan pada 29 Januari 2018 dan mempunyai seramai 28 orang pelatih.

terutama ibu bapa anak-anak istimewa ini sendiri. Ada dalam kalangan mereka yang dahulunya terlantar sudah boleh bercakap, bermain dan berlari.

"Sebelum ini, kami akan membawa anak-anak melakukan aktiviti luar seperti berenang, memanjat batu dan berkuda supaya mereka lebih terdedah dengan masyarakat dan persekitaran di luar."

"Selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pergerakan serta aktiviti mereka terbatas. Kami sudah membuat takwim bagi program akan datang tetapi masih menunggu tentatif daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); katanya yang turut bekerjasama untuk Program Gigi-Gigiku Sihat sebanyak sebulan sekali bersama KKM.

Dalam pada itu, Roslan memberitahu baru-baru ini, PPDK Sinar@9 terlibat dengan

Program Semarak Kasih Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 bersama Pelajar Pemulihan Dalam Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Mengulas lanjut, Pengurus Persatuan Penduduk Presint 9A ini memaklumkan pelatih tidak dikenakan sebarang yuran sekolah malahan pihak kerajaan akan memberikan elauan khas OKU untuk para pelatih yang mengikuti program bagi membantu meringankan beban sepanjang latihan dijalankan.

"Elauan diberikan kepada pelatih adalah sebanyak RM150 sebulan bagi pelatih yang mengikuti program di pusat dan RM50 sebulan pula bagi pelatih yang mengikuti program di rumah," ujarnya. **WK**



Seronok lihat perkembangan positif pelajar



HAZIRAH HALIM

SAYA adalah jambatan untuk mereka".

Itulah ayat yang dipegang oleh pengajar berpengalaman 26 tahun dalam bidang urutan terapi kepada golongan berkeperluan khas sejak tahun 1994 lalu hingga berjaya melahirkan ramai kanak-kanak yang dapat menunjukkan perkembangan positif terhadap pembesarannya.

Memulakan kerja sebagai jurulatih psikologi bahagian terapi di Sekolah Cerebral Palsy (CP), Johor selama lapan tahun, Suzana Alam, berkata menjadi seorang pendidik kepada golongan khas ini tidak semudah yang disangka, tetapi nilai kasih sayang dan minat terhadap kerjaya ini membuatkan guru dari Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK)



SUHANA



SITI MUNIRAH

Sinar@9, Putrajaya ini terus kekal berkhidmat.

"Saya adalah pengajar bahagian terapi, apabila saya lakukan sesi, ia bergantung kepada situasi dan jenis kategori penyakit yang mereka alami tanpa menggunakan sebarang alatan mesin sebaliknya hanya teknik psikologi.

"Selama lebih beberapa tahun menjadi pengajar, *alhamdulillah* saya terima banyak perkembangan positif antaranya ada yang sudah pandai berjalan, ada yang dahulu tidak boleh bangun tetapi bila sudah lakukan terapi, sudah boleh duduk seperti biasa.

"Selain itu, ada seorang pelajar *syndrome down*, dahulu dia hanya terbaring sahaja dan tidak mampu melakukan apa-apa pergerakan tetapi bila kita sudah lakukan pelbagai sesi terapi serta aktiviti, kini dia sudah boleh berlari, melompat dan ke sekolah seperti biasa," katanya ketika ditemui *Wilayahku* di PPDK Sinar@9, Putrajaya, pada Selasa.

Jelas Suhana, melihat perkembangan dan perubahan



SUHANA melakukan terapi kepada Uwais yang menghidap Cerebral Palsy (CP).

positif yang berlaku kepada anak didiknya sudah cukup memberi kegembiraan buat dirinya.

"Ada ibu bapa datang berkongsi perubahan anak-anak mereka kepada saya dan mengucapkan terima kasih di atas bantuan yang diberikan sekali gus membuatkan saya lebih bersemangat untuk terus membantu," kata bekas jurulatih olahraga Majlis Paralimpik Malaysia, Negeri Johor ini.

Jelasnya, seseorang yang ingin menjadi pengajar perlu menerapkan nilai kasih sayang, minat, rajin dan paling utama adalah sabar kerana tanpa perkara tersebut mereka mungkin boleh

melakukan perkara diluar kawalan dan sukar mengawal pergerakan dan tingkah laku anak-anak istimewa ini.

Sementara itu, petugas di PPDK Sinar@9, Siti Munirah Mohd Nasir, 28, berkongsi tips yang boleh dijadikan sebagai panduan sekiranya ada individu yang mahu mencebur ke bidang ini.

"Pertama, kita harus memberi satu arahan yang ringkas sahaja tetapi berulang. Jika anda meminta mereka duduk, kita perlu buat bersama-sama mereka dan mengulangi perkara yang sama sehingga mereka faham. Kedua adalah bantuan. Mereka

sangat memerlukan bantuan daripada orang sekeliling untuk memahami dan melakukan sesuatu. Pada peringkat awal, kalau kita nak suruh mereka duduk, kita perlu gunakan pergerakan visual tetapi jika mereka sudah melakukan sendiri maknanya dia sudah faham," jelasnya yang sudah empat tahun berkhidmat di PPDK ini.

Tambahnya, saguhati juga perlu diberikan kepada anak-anak istimewa ini selepas aktiviti selesai dilakukan kerana ia boleh membantu memotivasi mereka untuk terus bersemangat melakukan aktiviti seterusnya. **WK**



SITI Munirah menggunakan teknik sistem bergambar (PECS) sebagai kaedah pembelajaran dan komunikasi pelatih.

Anak sudah pandai buat aktiviti bersama keluarga - Salwa

MEMPUNYAI tiga orang anak istimewa sememangnya satu ujian yang tidak ternilai dari Illahi. Namun bagi **Salwa Mohd Salleh**, 38, dan suaminya, Dr Khairil Idham Ismail, pasangan ini menyifatkan, ketiga-tiga anak syurga mereka sebagai amanah yang tidak ternilai, meskipun berdepan dengan kesulitan untuk mendidik anak-anaknya.

Berkongsi kisahnya, Salwa menyedari anak pertama dan keduanya menghadapi masalah pembelajaran ketika memasuki alam persekolahan.

"Apabila anak sulung dimasukkan ke sekolah ketika darjah 1, kami mendapati perkembangan dia tidak sama dan tidak boleh belajar seperti kawan-kawannya yang lain termasuk sukar untuk menulis menggunakan tangan.

"Apabila kami bawa bertemu dengan pakar psikitari kanak-kanak, anak saya telah diagnos dengan penyakit yang dikenali sebagai *Intellectual Difficulties* manakala anak kedua pula menghadapi penyakit disleksia dan berada di sekolah harian biasa.

"Anak yang ketiga, Israa' berumur lapan tahun yang menghidap autisme merupakan

pelajar di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Presint 9, Putrajaya," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Salwa, beliau merasa bertuah apabila anak ketiganya itu menunjukkan peningkatan sejak mula dimasukkan kedalam PPDK pada Disember 2018 lalu.

"Sebelum ini, dia jenis autisme yang tidak banyak bercakap dan sering menyendiri malah sekiranya muh makan, dia hanya tunjuk sahaja.

"Setelah menjalani aktiviti di PDK, dia sudah pandai berkawan dan sudah boleh membuat aktiviti bersama-sama, malah sudah pandai hendak bergurau dengan ahli keluarga," katanya.

Salwa berkata, sejak anaknya dimasukkan ke PPDK, anaknya kini mempunyai daya usaha untuk melakukan sesuatu perkara sendiri.

"Dia sudah pandai suap makanan sendiri dan ada rasa ingin mencuba melakukan sesuatu sendiri kerana sebelum ini dia tidak begitu," katanya.

Ujar Salwa, anaknya juga turut aktif dan gembira untuk ke sekolah pada setiap pagi serta teruja untuk menjalani sesi terapi dan pembelajaran yang disediakan



SALWA mempunyai 3 orang anak istimewa yang terdiri daripada penyakit berbeza seperti masalah pembelajaran dan autisme.

pihak PPDK.

"Di PPDK ada terapi, urutan, dan ada bahan-bahan terapi seperti trampolin dan dia dibenarkan untuk menggunakan semua kemudahan itu, jadi dia nampak lebih aktif dan cergas serta pegerakan dia juga lincah."

"Cumanya, dari segi pengurusan diri dia belum boleh melakukan termasuk mandi, memakai baju dan kita kena tolol buat termasuk apabila di tandas," katanya.

Beliau berkata, PPDK ini berkonsepkan komuniti dan ibu bapa perlu bekerjasama dengan penyelia dan guru-guru di sekolah.

"Ibu bapa atau penjaga tidak boleh hanya menghantar anak namun pada masa sama tidak terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan."

"Ibu bapa perlu cakna dan berkolaborasi dengan semua aktiviti PDK termasuklah menjayakan sesuatu tugas seperti program lawatan atau

ceramah," katanya.

Kata Salwa lagi, antara manfaat yang beliau dapat adalah penyelia PPDK di tempat anaknya itu mempunyai pengalaman 25 tahun dalam mengurus dan melatih anak-anak OKU ini.

"Rangkaian beliau agak luas dan ramai serta banyak program, kolaborasi yang dilakukan bersama-sama pihak luar dalam memberikan ilmu mengenai pengurusan anak-anak istimewa ini secara percuma."

"Selain itu, pelajar didalam bidang Fisioterapi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) inakan datang ke PPDK untuk menjalani Latihan Industri setiap tahun untuk membantu dari sudut terapi."

"Jadi kolaborasi seperti itu memberi manfaat kepada anak-anak di PPDK kerana terapi itu dijalankan secara percuma oleh individu yang bertauliah dan pada masa sama, cikgu-cikgu turut boleh belajar cara dan keadaan terapi yang betul."

"Selain itu, pihak PPDK turut mempunyai hubungan dengan klinik kesihatan serta klinik gigi dan mereka akan datang untuk membuat pemeriksaan secara berkala setiap bulan," katanya. **WK**



Debaran Adrenalin Muay Thai di Titiwangsa



SYUQQREE MOHD DAIN

ADRENALIN, taktikal, strategi, fokus dan ketepatan merupakan antara elemen penting yang perlu dikuasai oleh peninju sukan muay thai yang juga merupakan salah satu bentuk seni bela diri yang kurang mendapat perhatian di negara ini. Mungkin kerana ia kelihatan ganas. Walau bagaimanapun, sukan ini tetap mempunyai peminatnya yang tersendiri di setiap pelusuk negara.

Kejohanan Kuda Merah Muay Thai Kementerian

Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2022 yang melabuhkan tirainya pada Ahad lalu berlangsung dengan jayanya selama tiga hari iaitu dari 25 hingga 27 Februari di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Di samping itu, kejohanan tersebut telah disertai oleh lebih 34 petinju dari kelab-kelab muay thai terkemuka negara, antaranya ialah Kelab Muaythai Kuda Merah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kelab Piranha Muay Thai Pahang, Kelab Muaythai Ampang dan Kelab Gorilla Muaythai.

Turut hadir

memeriahkan kejohanan KWP - DBKL Kuda Merah Muaythai Challenge 2022 pada malam terakhir ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Pembangunan KWP Datuk Che Roslan Che Daud, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Dr Hasnul Faizal Hushin Amri dan Timbalan Pengurus Kumpulan Karangkraf Datuk Muhammad Nasir Hamzah. **W.K**



TETAMU kehormat yang hadir pada hari terakhir Kejohanan Kuda Merah Muay Thai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2022.



SALAH seorang peninju muay thai yang cereda sedang dirawat selepas tamat perlawanan di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.



ANTARA aksi peninju muay thai ketika Kejohanan KWP - DBKL Kuda Merah Muay Thai Challenge 2022.

Berkelah di pantai Putrajaya

NOOREEZA HASHIM

Putrajaya yang bersih dengan status kualiti pada kelas I dan 2A selain terdapat aliran sebanyak sejuta liter sehari. Sementara itu, persekitaran ini melibatkan lima bahagian iaitu pantai berpasir, bot kawalan jauh, memancing, berkhemah dan kayak di Sisiran Floria.

Sekitar tinjauan di Pantai Floria, rata-rata pengunjung mengetahui pembukaan kawasan ini melalui laman Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj).

Kehadiran pengunjung kembali memeriahkan persekitaran Tapak Anjung Floria selepas diberi nafas baharu oleh PPj. **WK**

PANTAI buatan yang terletak di Tapak Floria, Presint 4, Putrajaya merupakan salah satu tarikan terkini bagi menarik pengunjung di pusat pentadbiran kerajaan. Lokasi itu pada dahulunya adalah tapak penganjuran Festival Bunga dan Taman Antarabangsa (FLORIA) Diraja Putrajaya mula dibuka pada awal bulan Mac ini. Idea pantai berpasir itu timbul susulan kualiti air tasik

SENARAI SPESIES IKAN TASIK PUTRAJAYA BAGI AKI DENGAN KONSEP "TANGKAP & LEPAS" DI REKREASI SISIRAN FLORIA

- Keiak (*Tortamboides*)
- Tengas (*Neolissochilus hexagonolepis*)
- Belida bintik (*Chitala ornata*)
- Tenggali (*Puntioplites bulu*)
- Jelawat (*Leptobarbus hoevenii*)
- Krai (*Puntius daruphani*)
- Temoleh (*Probarbus ulienii*)
- Ketutu (*Oxyeleotris marmoratus*)
- Bujuk (*Channa lucius*)

MASUK percuma bermula 1 mac 2022 sehingga 15 Mac 2022.

Bersukan cara Siti Nurhaliza lepas stres



DEEL ANJER

PENYANYI nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza mengaku dirinya gemar melakukan aktiviti sukan sebagai cara untuk menghilangkan stres.

Pelantun lagu Badarsila dan Aku Bidadari Syurgamu ini sempat berkongsi hobi bersukan sewaktu acara perlawanan badminton bersama bekas pemain profesional negara Tan Boon Heong di Shuttle in the Dark, Menara Berkembar Petronas, baru-baru ini.

Menurut Siti, beliau sangat seronok dapat terbabit dalam acara sebegini yang baginya

cara terbaik lepaskan tekanan serta menjaga stamina.

"Saya suka kalau dapat buat banyak aktiviti bersukan macam ini tapi itulah kadang-kadang masa. Kalau berpeluang, pasti saya rancang setiap bulan."

"Bersukan adalah satu daripada cara saya lepaskan tekanan dan dapatkan tubuh badan lebih sihat. Secara tak langsung, minda pun jadi lebih tenang lepas bersukan."

"Saya sebenarnya tak puas lagi main badminton dengan Tan Boon Heong. Tapi disebabkan ini majlis, jadi kita kena ikut aturcara yang disediakan. "Mungkin selepas ini kita boleh buat lebih banyak aktiviti sukan badminton. Lagi pun aktiviti kita anjurkan ini hanya suka-suka saja," katanya.

Dalam masa yang sama,

Siti juga menyatakan hasrat mahu menganjurkan acara sukan dalam kalangan selebriti memandangkan ramai antara mereka mempunyai bakat terpendam.

"Sebelum ini saya pun pernah menyertai aktiviti sukan yang dibuat untuk rakan-rakan artis. Ramai sebenarnya rakan artis yang pandai bermain badminton, bola jaring, dan sebagainya."

"Ada bakat atlet dalam diri masing-masing, cuma tinggal kita tiada masa untuk menunjukkan bakat itu. Insya Allah mana tahu saya akan buat acara sukan untuk artis suatu hari nanti," katanya.

Pada acara itu, Siti turut mengumumkan Tan Boon Heong sebagai duta minuman sarang burung Beaunest keluaran Beausiti. **WK**



SITI NURHALIZA
teruja main
badminton bersama
bekas pemain negara,
Tan Boon Heong.

Tidak berlagak 'diva'... Dayang terima Amir Masdi

ARTIS popular Dayang Nurfaizah adalah antara penyanyi terbaik yang mempunyai kualiti vokal yang bagus dan sudah berada dalam kelasnya tersendiri.

'Takhta' itu sedikit pun tidak mengubah sikap Dayang yang sentiasa merendah diri dan tetap berusaha menjadi yang terbaik.

Malah Dayang lebih bersikap terbuka untuk berkolaborasi dengan penyanyi-peniyanyi baharu dalam sesebuah acara mahupun rakaman lagu.

Terbaru, Dayang muncul dengan lagu duet berjudul Debu kolaborasinya bersama juara program Akademi Fantasia 2016 dan finalis AJL-35, Amir Masdi.

"Boleh dikatakan ini duet yang tak dirancang pun. Sejurnya, saya memang belum ada perancangan nak ada lagu duet lagi. Pendek kata, ini semua berlaku secara kebetulan. Pun begitu, apa boleh dikatakan dari segi persembahan lagu ia menjadi.

"Pada awalnya lagu itu diberi pada saya untuk lagu solo dan saya mendengar demo. Ketika itu, saya tanya siapa nyanyi demo. Saya cakap sedap pula, macam dah cantik untuk lagu itu.

"Lagi pun sebelum mendengar demo, saya memang suka suara Amir masa saya tengok dia buat persembahan pada pentas Big Stage. Saya cakap pada diri, tunggu masa dan lebih pengalaman menyanyi, dia boleh maju, bertambah baik dan pergi jauh.

"Jadi, apabila cuba letak suara kami dalam lagu ini, saya cakap ia menjadi. Dari situ lah terjadinya duet ini. Sebab itu saya kata ia berlaku secara kebetulan," katanya yang teruja dengan lagu Debu ciptaan sepenuhnya oleh Mas Dewangga, Jova Devito, Firdaus Rahmat, Mike Chan, Karim Karam dan Acap Salim.

Dayang berkata, tidak ada dalam kamus kerjayanya dia perlu memilih seseorang penyanyi untuk berduet dengannya.

Malah, jauh sekali dia memandang populariti sebagai syarat jika ingin berduet dengan seseorang penyanyi lain dalam lagu.

"Saya selalu cakap, saya tak pilih nak berduet dengan siapa. Apa yang penting adalah kesesuaian lagu, sebab dua suara

kena saling memberi.

"Dari segi populariti penyanyi itu bukan keutamaan. Bagi saya adalah suara, bakat dan lagu. Itu nombor satu."

"Macam Amir, dia pun secara perlahan-lahan membina kerjaya nyanyiannya. Dia muda dan jauh lagi perjalanan dalam bidang ini. Sebab kalau kita fikir siapa Amir, kita fikir bakat dan suara yang dimilikinya. Itu yang akan bawa dia jauh. Tak perlu nak cepat popular pun."

"Macam saya pun, saya kenal dia dari suara dan bakat. Dia memang berbakat besar. Dia juga mengingatkan saya pada diri sendiri ketika mula-mula masuk dalam bidang nyanyian."

"Saya keluar semata-mata kerana bakat. Jadi, kalau betul cara dia, *insya-Allah* boleh kekal lama dan pergi lebih jauh. Paling penting, fokus apa yang kita ada," katanya.

Lagu Debu nyanyian Dayang Nurfaizah dan Amir Masdi boleh mula distrim di semua pelantar muzik digital.



DAYANG Nurfaizah (kiri) berpendapat Amir Masdi boleh pergi jauh dalam industri.

Isu gay Aaroz Aziz dan Gambit ada unsur dakwah

KECOH dalam media sosial baru-baru ini apabila pelakon Datuk Aaron Aziz dan Gambit Saifullah membawa watak lelaki songsang dalam drama bersiri Suami Lelaki Pendosa (TV3).

Walaupun dikecam, Gambit atau nama penuhnya Mohd Saifullah Rosli, 37, menyifatkan bahawa watak Izfairin dibawakan bukanlah dirinya yang sebenar.

"Saya sedar impak yang bakal dihadapi agak teruk, terpaksa berdepan kritikan penonton, namun sebagai pelakon, ia satu kepuasan."

"Apatah lagi selepas diberitahu bahawa Aaron akan menjadi pasangan saya, ia terus meyakinkan saya," katanya ketika ditemui pada sidang media majlis pelancaran drama arahan Ery Rahman untuk slot Samarinda, TV3.

Menegaskan dia adalah lelaki 'straight' (tulen), Gambit juga melihat pembabitan Aaron sebagai sumber kekuatannya untuk mendukung peranan menjiwai karakter seorang lelaki homoseksual.

"Saya adalah lelaki 'straight' dan Aaron juga sama. Sebab itu saya tidak begitu bimbang untuk memberi kerjasama dengannya melakonkan watak lelaki songsang."

"Seandainya ragu-ragu tentang orientasi seks gandingan saya dalam cerita ini, pasti tawaran diberikan akan ditolak," jelasnya.

Ramai yang melihat isu homoseksual atau gay dalam drama tersebut mempunyai mesej dan

pengajaran memandangkan ia adalah realiti dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, tidak kurang juga yang menganggap isu yang diketengahkan ini boleh membawa kesan buruk kepada penonton.

Ini ekoran tularnya pendapat pendakwah agama, Ustazah Asmak Husin yang berpendangan drama tersebut seperti menormalisasikan budaya LGBT dan perlu diboikot demi kebaikan semua golongan masyarakat.

"Saya faham sekiranya pengarah drama ini mengatakan tujuannya adalah untuk memaparkan realiti sebenar kehidupan masyarakat di sekeliling kita atau memberi kesedaran tentang isu ini, tetapi masalahnya sekarang scene bercinta antara gay yang menjadi tular dan mendapat banyak sambutan. 'Defeat the purpose,' jelasnya."

Bagi pendapat *Wilayahku*, drama adalah salah satu cara atau medium untuk sampaikan dakwah atau mesej yang baik kepada masyarakat.

Apa yang dilakonkan dalam drama Suami Lelaki Pendosa tidaklah keterlaluan malah adegan mesra pasangan gay yang dipaparkan adalah 'manja-manja' sahaja.

Adegan yang tidak melampau sebegini wajar dipaparkan bagi memberitahu keadaan sebenar yang berlaku memandangkan jalan ceritanya mahu membawa masyarakat memahami mesej yang ingin disampaikan.



GAMBIT (kanan) dan Aaron Aziz bawa watak sebagai pasangan lelaki songsang dalam drama bersiri Suami Lelaki Pendosa (TV3).



PANAS
MINGGU INI

"Setinggi mana pun kita, tetaplah jaga adab" – Salwa Abdul Rahman



DEEL ANJER

DULU ucapan lisan, bahasa tubuh, reaksi wajah menjadi medium utama dalam berkomunikasi.

Kini, semuanya telah berubah apabila media sosial menjadi trend yang banyak mempengaruhi corak kehidupan masyarakat.

Apa yang menyediakan, ada sesetengah netizen sanggup menjadikan media sosial sebagai 'medan perperangan' apabila timbulnya rasa tidak puas hati.

Penyanyi era 1980-an, **Datin Salwa Abdul Rahman**, 52, mengakui kecewa dengan sikap sesetengah netizen yang menyalahgunakan media sosial.

"Sebut tentang media sosial, ada sudut positif dan negatif. Sepatutnya ia digunakan untuk kebaikan, tapi ada juga yang salah guna."

"Masyarakat kita majoriti Islam, jadi apabila berlaku 'perperangan' dan berbalah sesama sendiri dalam



SALWA sentiasa menyokong suaminya, Subadron dalam melahirkan bakat-bakat baharu menerusi Subadron Football Academy.

media sosial, sudah tentu ia agak sensitif.

"Cuma apabila mereka sanggup 'berperang' dalam media sosial disebabkan berlaku salah faham, itu tidak sepatahnya berlaku."

"Begini juga apabila ada suami atau isteri yang suka membuka kisah rumah tangga dalam media

sosial. Rasanya perselisihan dalam perkahwinan tidak elok 'dijaja' untuk tatapan semua orang."

"Jagalah adab dalam media sosial. Setinggi mana pun kita, tetaplah jaga adab," katanya kepada *Wilayahku*.

Bagi Salwa, satu kerugian apabila peranan media sosial tidak digunakan untuk kebaikan terutamanya dalam pembangunan diri.

"Gunakanlah untuk kebaikan seperti menyebarkan info-info agama. Misalnya tentang Israk Mikraj baru-baru ini. Orang yang lupa akan ingat hari berkenaan apabila disebarluaskan dalam medium tersebut."

"Dalam masa yang sama, alangkah lebih baik mereka menggunakan media sosial untuk memajukan diri sendiri dalam bidang masing-masing," ujarnya.

Katanya lagi, ibu bapa zaman dahulu sentiasa menekankan tentang adab dan budi bahasa. Walaupun zaman moden dan teknologi canggih, dua elemen ini tetap kena ada dalam diri.

ISU 'LAPAR' PUBLISITI... ITU HAK MASING-MASING"

PELANTUN lagu Kembalikanlah Cintamu dan Jangan Malu-Malu juga berharap masyarakat tidak mudah menghakimi usaha sesetengah masyarakat yang sanggup melakukan apa sahaja demi meraih populariti dalam media sosial.

Isu 'lapar' publisiti ini muncul apabila terdapat usahawan yang sengaja mencipta kontroversi atau konten untuk menjual produk.

"Bagi saya, itu hak masing-masing. Jangan mudah kecam atau menghukum mereka kerana kita tidak tahu situasi sebenar yang berlaku."

"Sejak pandemik COVID-19 menyerang negara, ramai yang



AKHBAR *Wilayahku* sentiasa menjadi pilihan Salwa dan Subadron.

bersyukur dikurniakan suami yang baik.

"Saya bersyukur suami bukan kaki perempuan, jadi saya tak perlu pening kepala. Saya tahu, ramai yang sukakan Abang Bad (panggilan untuk Subadron).

"Andai ada sifat itu, mudah sesebuah rumah tangga runtuh hingga bercerai-berai. Tidak menafikan, ada juga rakan saya ditimpah nasib begitu."

"Disebabkan itu, saya bersyukur dikurniakan pasangan seperti abang Subadron. Dia tidak suka keluar melepak. Masanya lebih banyak dihabiskan di rumah bersama keluarga," katanya yang menyokong usaha suaminya yang membangunkan Subadron Football Academy.

WK



SALWA ANTARA pendorong kejayaan Subadron yang digelar legenda bola sepak negara.

Yap Ah Loy Pendiri Kuala Lumpur adalah naratif kolonial Pelurusan sejarah tidak berlaku selepas merdeka

MUKADDIMAH

PERSOALAN berkenaan Pendiri Bandar Raya Kuala Lumpur masih menjadi tanda tanya apabila pihak bertanggungjawab masih mengambil langkah berdiam diri meskipun penemuan maklumat baharu itu telah didedahkan pada tahun 2018 lagi.

Sejarawan dan penyelidik bebas, Abdur Razzaq Lubis telah menerbitkan buku 'Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur' yang memberi interpretasi baharu berkenaan sejarah awal Kuala Lumpur dan daerah pedalamannya.

Dalam wawancara bersama wartawan **DIANA AMIR, ABDUR RAZZAQ LUBIS** berharap supaya Sutan Puasa akan diangkat atau diiktiraf secara rasmi sebagai Pendiri Kuala Lumpur. Berikut petikannya;

WILAYAKU: Bagaimana boleh tercetusnya idea untuk menghasilkan buku 'Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur'?

ABDUR RAZZAQ: Sudah menjadi tradisi turun temurun dalam lingkungan keluarga dan kaum kerabat saya bahawa Sutan Puasa adalah Pendiri Kuala Lumpur. Kami punya hubungan kekerabatan dengan Pendiri Kuala Lumpur itu.

Dalam rapat-rapat (pertemuan dan perhimpunan) keluarga nama Sutan Puasa sering disebut-sebut sebagai Pendiri Kuala Lumpur. Manakala di kalangan anak bangsa Sumatra baik Mandailing, Rawa atau Rao dan Minangkabau, kami sudah sama-sama tahu bahawa Sutan Puasa adalah Pendiri Kuala Lumpur.

Tinggal untuk saya melalui kajian atau penelitian *empirical* dan tulisan untuk mengesahkan dan membuktikan kebenaran kisah lisan turun temurun ini. Saya memilih istilah Pendiri dari Pengasas kerana Pendiri adalah orang adi/pertama yang meneroka, mempelopori, membangun, memajukan dan memakmurkan Kuala Lumpur.

Sedangkan pengasas adalah seorang yang memulakan sesuatu (dalam erti kata meletak batu asas) tetapi tidak semestinya yang mendiri, membangun apa lagi memaju dan memakmurkan. Dalam pengertian pertama (Pendiri), Sutan Puasa layak dianugerah gelaran Pendiri Kuala Lumpur.

WILAYAKU: Apakah antara penemuan fakta yang kukuh dalam membuktikan Sutan Puasa merupakan pengasas Kuala Lumpur?

ABDUR RAZZAQ: Pertama-tama Sutan Puasa sudah berada di Kuala Lumpur sebelum Raja Abdullah (seorang raja Bugis, dia bukan raja Melayu) dan Yap Ah Loy (YAL), dua calon lain sebagai Pendiri Kuala Lumpur. Raja Abdullah dan taukeh atau apek Ah Loy datang kemudian. Malah YAL adalah Kapitan Cina Kuala Lumpur yang ketiga – bukan yang pertama. Kalau ada seorang pemuka Cina yang layak diangkat sebagai Pendiri Kuala Lumpur, kan lebih masuk akal tokoh itu Kapitan Cina Kuala Lumpur yang pertama, bukan Kapitan Cina Kuala Lumpur yang ketiga! Apalagi Middlebrook yang menulis biografi tentang Yap Ah Loy tidak pernah mengklaim bahawa taukeh atau apek Ah Loy adalah Pendiri Kuala Lumpur.

Malahan orientalis itu tidak juga mengklaim bahawa Kapitan Cina Kuala Lumpur yang pertama adalah Pendiri Kuala Lumpur.

Sama penting atau mustahak adalah kenyataan bahawa Sutan Puasa adalah tokoh yang membangun, memajukan dan memakmurkan Kuala Lumpur.

Klaim bahawa taukeh atau apek Ah Loy bertanggungjawab atau merupakan penggerak utama pembangunan Kuala Lumpur

adalah naratif kolonial.

Tidak dinafikan bahawa Ah Loy membangunkan kembali KL setelah berakhir Perang Kelang atau Perang Selangor. Ini tidak bererti taukeh itu yang ulung kali membangunkan, memajukan dan memakmurkan Kuala Lumpur.

Pujian atau penghargaan ini adalah kepunyaan atau hak Sutan Puasa. Baik apek Ah Loy maupun Raja Abdullah datang ke KL setelah mendengar bahawa bandar itu sudah mencapai kemajuan dan pembangunan berkat penat lelah atau kerja keras Sutan Puasa.

WILAYAKU: Jika diikutkan penemuan fakta baharu berkenaan pengasas Kuala Lumpur ini adalah pada tahun 2018 namun sehingga kini masih tiada sebarang pembetulan fakta oleh mana-mana pihak berkenaan pengasas sebenar Kuala Lumpur. Apa komen tuan berkenaan ini?

ABDUR RAZZAQ: Buku *Sutan Puasa: Founder of Kuala Lumpur* terbit pada 2018. Ertinya baru empat tahun sudah berlalu semenjak penerbitannya. Sampai saat ini masih belum ada pelurusan sejarah tentang siapa gerangan Pendiri Kuala Lumpur sebenarnya kerana masih terjadi 'tug of war' (tarik menarik) antara dua pihak yang berkepentingan. Satu pihak di kalangan pribumi/Bumiputra kerana sentimen etnik (khususnya 'Bugis centric') tidak berlapang dada (sanggup) dan bersedia menerima hakikat bahawa Sutan Puasa adalah Pendiri Kuala Lumpur yang seutuhnya.

Sebaliknya terjerumus atau terjebak, secara sedar atau tidak, dalam agenda bukan Melayu, non-pribumi/Bumiputra, untuk menafikan status (kedudukan) Sutan Puasa sebagai Pendiri Kuala Lumpur.

Aneh bin ajaib, mereka berselindung (bertabirkan, menyuruk) di balik nasionalisme Melayu atau Ketuanan Melayu. Mereka mahu mengekalkan Raja Abdullah sebagai

“Klaim bahawa taukeh atau apek Ah Loy bertanggungjawab atau merupakan penggerak utama pembangunan Kuala Lumpur adalah naratif kolonial”

tidak ada usaha dari pihak pemerintah atau kerajaan apalagi DBKL untuk meluruskan sejarah, jangankan mengiktiraf secara rasmi bahawa Sutan Puasa adalah Pendiri Kuala Lumpur. Lebih-lebih lagi sewaktu PH berkuasa dulu.

Ketara agenda mereka ini adalah untuk menjaga hati simpatisan-simpatisan mereka, lebih-lebih lagi pengundi-pengundi dari etnik tertentu. Tampak non-Bumi terus menjalankan jarumnya sementelah pribumi/Bumiputra, kalau tidak terus tidur, mengambil sikap ‘tidak apa’ dalam isu pelurusan sejarah negara atau nasional.

Sedari itu, wayang/sandiwar politik dan pandemik COVID-19 menghantui, melalikan dan melalaikan warga negara. Sebaliknya, ada usaha untuk menyangkal dan menyanggah bahwasannya Sutan Puasa adalah Pendiri Kuala Lumpur yang bermotivasi politik atau sentimen perkauman (racism, rasis) yang merugikan pribumi/Bumiputra.

Politikus dan sejarawan yang mempunyai motif atau bermotivasi politik dan perkauman (rasis) selamanya akan menghalangi dan merintangi usaha untuk menempatkan atau mengakui Sutan Puasa sebagai Pendiri Kuala Lumpur.

WILAYAKU: Adakah terdapat sebarang impak sekiranya sejarah penubuhan Kuala Lumpur ini tidak bertukar di mana masih mengekalkan Yap Ah Loy sebagai pengasasnya?

ABDUR RAZZAQ: Pertama dan terutama penubuhan Kuala Lumpur dan apek Ah Loy sebagai pengasasnya adalah warisan atau pusaka kolonial yang diperkenalkan dan diterapkan dalam sistem pendidikan sebelum Merdeka.

Kesinambungan ini hanya bererti atau merupakan kelanjutan malah pengabdian peninggalan dan wasiat kolonial.

Melihat dari kaca mata ini, kita masih belum Merdeka seutuh-utuhnya dari segi siapa yang menubuhkan, mendirikan, memajukan, membangun dan membangunkan ibu negara Malaya, kemudian Malaysia.


Dalam kata-kata lain, jati diri ibu negara masih menjadi tanda tanya, kabur atau samar-samar setelah sekitan lama “Merdeka”.

WILAYAKU: Apakah harapan atau solusi yang tuan harapkan selepas menghasilkan buku ini?

ABDUR RAZZAQ: Harapan saya Sutan Puasa akan diangkat atau diiktiraf secara rasmi sebagai Pendiri Kuala Lumpur, tanpa ragu, curiga dan cemas. **W.K**



JALAN Tuanku Abdul Rahman dahulunya dikenali sebagai Kampung Rawa yang juga merupakan penempatan orang Rawa pada 1890.



Chef Naem bawa resipi ibu ke hotel bertaraf antarabangsa

DEEL ANJER

Foto NOOREEZA HASHIM

CHEF selebriti yang juga pengacara program masakan televisyen, Chef Naem meluahkan rasa syukur apabila rezekinya semakin murah selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Terbaru, pemilik nama sebenar **Muhammad Naem Ramli**, 29, diberi kepercayaan hotel bertaraf antarabangsa, Hotel Le Meridien Putrajaya untuk mengetuai barisan chef bagi buffet Ramadan yang bakal menjelma tidak lama lagi.

Ibarat impian menjadi kenyataan, Chef Naem percaya itu adalah tuah resipi masakan ibunya, Haslina Munir, 57.

"Ini adalah salah satu impian saya. Kata orang, ibaratnya kalau mati pun dah boleh tenang."

"Ini adalah satu pencapaian tinggi bagi diri saya apabila berkolaborasi dengan jenama antarabangsa. Bukan senang orang nak panggil sedangkan saya masih baru dalam bidang ini."

"Saya anggap ini rezeki mak, isteri, anak-anak dan orang-orang yang selalu doakan saya. Jadi bila dapat peluang ini memang saya *all out*," katanya yang teruja bekerjasama dengan hotel ternama itu.


Bertemakan Destinasi Rasa, Chef Naem mahu memperkenalkan semula menu-menu Melayu yang mungkin sudah semakin dilupai.

"Sempena Ramadan ini, saya menyediakan 20 resepi Melayu yang saya belajar daripada mak. Dalam masa yang sama, ada beberapa resepi hasil daripada pengalaman saya menjadi chef dan pengacara televisyen."

"Kali ini juga adalah sebagai memenuhi permintaan peminat yang mahukan air tangan saya. Jadi, Ramadan ini adalah masa untuk mereka menikmati juadah Melayu yang disediakan saya."

"Antara menu wajib dinikmati adalah Sambal Lado. Sambal Lado adalah menu pertama yang saya belajar daripada mak ketika berumur 12 tahun. Menu inilah yang menyebabkan saya bergelar tukang masak."

"Disebabkan belajar masak



CHEF Naem menyediakan 20 resipi Melayu yang dipelajari daripada ibunya.

sambal lado itulah membuatkan saya berminat untuk duduk di dapur. Macam-macam resipi saya belajar daripada mak," ujar anak jati Kuala Lumpur ini lagi.

Menurut Chef Naem, ibunya yang juga suri rumah sepenuh masa sentiasa sibuk dengan kerja-kerja rumah.

Kesibukan ibunya itu memberi peluang kepada saya untuk mempelajari pelbagai resepi.

"Sebenarnya ia berlaku secara tak sengaja. Mak saya suri rumah. Banyak kerja dia kena buat. Saya lima beradik, tapi saya yang berani duduk depan kuali yang panas. Jadi, mak selalu suruh saya tolong jaga masakannya di dapur ketika dia sedang kemas rumah atau jemur kain."

"Sejak itu apa yang mak masak macam rendang, masak lemak atau lain-lain, saya rasa wangi dan teruja untuk sentiasa bantu mak di dapur."

"Saya pun ada minta mak ajar masak dan dia ajar asas seperti potong bawang, macam mana nak tengok ikan segar sehingga akhirnya pelbagai menu yang berjaya di masak," ujarnya.

Pesan ibunya, jika ingin masakan sedap kena masak perlahan-lahan.

"Misalnya Sambal Lado. Tip untuk dapatkan sambal lado yang sedap adalah pemilihan bawang dan tumisan menggunakan api kecil. Masak ni tak boleh nak cepat-cepat."

"Kalau kita masak sambal sampai merecik ke luar kuali, itu maksudnya kita tergesa-gesa. Kalau



KAMBING percik antara menu tarikan yang terdapat di Hotel Le Meridien Putrajaya.

masak sambal dalam kuantiti yang banyak perlu empat jam atas dapur. "Bukan sahaja sambal, nak masak rendang pun perlukan api yang perlana. Kata orang, benda yang baik ni kena banyak sabar. Barulah hasilnya sedap," ujarnya yang pernah menjadi pengacara untuk program televisyen seperti Dapur Panas, Hero Oven, Sembang Sahur dan banyak lagi.

Selain ibunya yang menjadi inspirasi, Chef Naem juga bertua dikurniakan isteri yang juga Pegawai Polis, Nurul Syazwani Zulkaffli dan anak-anak mereka Adra Humairah dan Muhammad Adwa Hakimi.

DESTINASI RASA 2022

SEMPENA Ramadan yang bakal disambut tidak lama lagi, pasti anda mencari menu atau masakan Melayu yang boleh mengembalikan memori masakan ibu di kampung.

Melihat kepada permintaan yang tinggi terhadap menu Melayu, Chef Naem menampilkan pelbagai menu menarik di Hotel Le Meridien.

Lebih 100 menu bakal disajikan antaranya adalah Sambal Lado,



Sempena peristiwa Israk Mikraj Kebersamaan dengan orang soleh terdahulu



Dr Mohd Shahid
Mohd Noh

ISRAK Mikraj adalah peristiwa agung yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai satu anugerah kemuliaan yang tidak diberikan kepada nabi-nabi yang lain. Solat juga disyariatkan pada waktu yang sama, dan menjadi tonggak ibadah di dalam agama Islam.

Sekali pun peristiwa ini tidak dilihat dan dialami oleh sesiapa pun melainkan baginda sendiri, iktibar dan pedoman darinya tidak pernah bosan diungkap dan diceritakan generasi ke generasi. Pelbagai buku dan dokumentasi telah dikarang yang memuatkan pelbagai kisah berkenaan peristiwa yang agung ini. Para ilmuan juga saban tahun mengkaji peristiwa ini dari pelbagai perspektif dan sudut, bagi menzahirkan lagi kekuasaan Allah SWT serta kemuliaan nabi yang dikasihi olehNya.

Antara peristiwa yang berlaku tanpa khilaf di dalam peristiwa agung ini ialah pertemuan Nabi bersama nabi dan rasul-rasul yang lain, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal di dalam kitab Musnadnya: Apabila Nabi Muhammad SAW masuk ke dalam Masjid al-Aqsa lalu beliau bersolat kemudian baginda berpaling dan kemudiannya berpaling kembali dan melihat para-para nabi bersolat bersamanya.

Setelah itu, baginda juga bertemu dengan beberapa nabi di tingkatan langit-langit tertentu sebagaimana yang termaktub di dalam pelbagai kitab hadis dan sirah.

Perutusan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia bukanlah bertujuan untuk membina asas baharu di dalam beragama secara total. Sebaliknya baginda adalah nabi akhir zaman yang mengukuhkan kembali dakwah yang dimulakan oleh ayah kepada semua manusia iaitu Nabi Adam AS, sebagaimana yang ditegaskan pada ayat ketiga Surah Ali 'Imran: *la menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (Al-Quran) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan la juga yang*

SALAM ISRAK & MIKRAJ

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkat sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
(Al-Israa' 17:1)



menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil.

Pertemuan dengan beberapa nabi ketika peristiwa Mikraj Nabi di setiap tingkat di langit membuktikan bahawa para nabi kesemuanya adalah bersaudara di dalam menjalankan tugasannya dakwah bagi mengesakan Allah SWT.

Al-Quran sering kali menyebut kelebihan bersama insan soleh yang dimuliakan Allah seperti ayat 36 Surah al-Taubah: Dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa. Dan Surah al-Anfal ayat 46: ... Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

Surah pertama di dalam Al-Quran yang diulang-ulang di dalam bacaan solat harian umat Islam juga menyebut mereka yang sebelum ini diberi nikmat hidayah: laitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka.

Beberapa mufassirin seperti Al-Tabari (wafat 310 H) mentafsir mereka ini sebagai para nabi-nabi, orang yang gugur shahid, orang yang beramal soleh, dan termasuklah juga mereka yang benar lagi membenarkan. Petunjuk dan hidayah yang diberikan kepada golongan ini

adalah begitu mahal nilainya sehingga dijadikan sebagai satu matlamat yang perlu dikehjarnya dan direalisasikan oleh mereka yang benar-benar beriman.

Kedudukan yang tertinggi di dalam kelas orang yang soleh di kalangan hamba Allah ialah para nabi dan rasul. Justeru, kebersamaan Nabi Muhammad SAW bersama dengan para nabi sebelum baginda dimikrajkan adalah satu kemuliaan yang begitu besar, di mana mereka inilah personaliti yang Allah sebutkan di dalam Al-Quran di dalam banyak tempat, terutamanya surah-surah Makkiyah yang banyak menceritakan perihal nabi-nabi terdahulu.

Peristiwa di atas menunjukkan betapa tingginya pekerti dan adab Nabi Muhammad SAW di dalam menyantuni dan menghormati saudara-saudara kewahyuan baginda, meskipun baginda sedang diraikan oleh Allah SWT untuk bertemu denganNya. Kebersamaan yang ditunjukkan juga membuktikan kebenaran itu sentiasa bersama mereka yang hampir kepada Allah SWT seperti para nabi dan rasul serta mereka yang mengikut jejak langkah mereka.

Pertemuan berasaskan di antara Nabi Muhammad SAW dan nabi-nabi yang lain mendidik kita untuk sentiasa menghormati para ilmuan, cendekiawan, dan orang soleh yang telah mendahului kita. Imam Sufyan bin 'Uyainah (wafat 198 H) menjelaskan: Rasulullah SAW itu adalah batu aras dan timbangan yang paling utama. Dengannya perlu dibentangkan setiap perkara, akhlaknya, sirah hidupnya serta pedoman darinya. Apa yang menepati ajarannya, itulah kebenaran; sementara yang menyalahinya pula adalah yang batil (sebagaimana direkodkan oleh al-Baghuddi dalam kitab al-Jamik li akhlak al-Rawi).

Adab yang dianjurkan oleh ulama tidak cukup hanya dengan itu, ia juga akan berterusan setelah kematian mereka. Justeru, kita dianjurkan untuk mendoakan mereka yang telah meninggal dunia (kadangkala distilahkan sebagai tarahhum atau taraddi), terutamanya para ulama, agar mereka dirahmati dan diredai Allah.

Demikianlah indahnya Islam mendidik umatnya agar sentiasa mengelakkan adab ini dari satu generasi ke generasi seterusnya

“ Kedudukan yang tertinggi di dalam kelas orang yang soleh di kalangan hamba Allah ialah para nabi dan rasul. Justeru, kebersamaan Nabi Muhammad SAW bersama dengan para nabi sebelum baginda dimikrajkan adalah satu kemuliaan yang begitu besar, di mana mereka inilah personaliti yang Allah sebutkan di dalam Al-Quran di dalam banyak tempat, terutamanya surah-surah Makkiyah yang banyak menceritakan perihal nabi-nabi terdahulu.

supaya mereka mendapat manfaat darinya dengan terus konsisten beramal dan berada di atas manhaj iman dan amal yang soleh.

Beradab dengan para ulama dan ilmuan adalah satu resipi kejayaan dan keberkatan hidup yang diwarisi oleh umat Islam. Praktis yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat telah berjaya membina generasi yang begitu membesar dan menghormati ilmu sehingga berkembangnya ilmu sehingga ke seluruh alam.

Ilmu yang tersebar ini bukan sahaja dibuktikan dengan penghasilan karya dan ijihad yang begitu bermanfaat kepada manusia. Mereka juga perlu menyumbang kepada satu manifestasi yang berjaya menyatakan manusia di bawah manhaj dan pemikiran yang satu, sebagaimana yang kita maklumi dengan nama Ahlus Sunnah wal Jamaah dan mazhab empat yang muktabar.

Inilah keberkatan ilmu hasil dari adab-adab yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada umatnya, dan seharusnya menjadi intipati utama peristiwa Israk Mikraj kepada kita semua.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di shahid82@um.edu.my

Dua beradik hilang tempat berteduh, rumah dijilat api



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

BERAT mata memandang, berat lagi bahu memikul adalah peribahasa yang tepat bagi menggambarkan perasaan dua adik beradik yang hilang tempat tinggal akibat dijilat api pada Sabtu lalu.

Jasni Said, 49, dan adiknya Rasida Said, 45, bagaimanapun menganggap kejadian itu sebagai suratan takdir dan menerima dengan hati terbuka.

Dua buah rumah mereka telah musnah sepenuhnya dijilat api kira-kira jam 5 pagi pada Sabtu dan kini mereka tinggal sehelai sepinggang.

Jasni berkata ketika kejadian itu, beliau dan adiknya yang merupakan nelayan telah berada di laut untuk menangkap ikan. Sejurus kembali pada jam 9 pagi, rumah telah musnah.

"Kami tidak tahu yang rumah kami terbakar. Kami hanya tahu bila pulang dari menangkap ikan dilaut dan dikhabarkan oleh jiran yang rumah kami sudah terbakar."

"Tiada apa yang dapat kami selamatkan termasuk kad pengenalan kami yang disimpan di rumah," katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Bagi Rasida, walaupun rumah telah musnah dan tiada barang dapat diselamatkan, namun beliau dan abangnya bersyukur kerana terselamat daripada kejadian itu.

"Siapa tidak sedih kalau rumah kita terbakar, tiada satu barang dapat di selamatkan. Tapi bersyukurlah, kami selamat," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan (PL), **Senator Datuk Bashir Alias**, berkata



BASHIR (tiga dari kiri) meninjau keadaan rumah mangsa yang musnah dijilat api pada pagi Sabtu lalu.



JASNI (tengah) menerima bantuan barang kelengkapan diri daripada JKM, MAIWP dan APM.

mangsa kebakaran akan ditempatkan sementara di rumah transit PL di Taman Mutiara.

"Kita akan berbincang dengan pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menghulurkan bantuan kepada

mangsa.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa meninjau dan menyantuni mangsa kebakaran di simpang tiga, Kampung Lajau.

Selain itu, beliau turut memberikan sumbangan peribadi kepada mangsa kebakaran. **WK**

Media Labuan sumbang bakul makanan kepada mangsa banjir

PERSATUAN Penggiat Media Labuan menyumbangkan sebanyak 100 bakul makanan kepada penduduk terjejas banjir yang melanda baru-baru ini.

Sumbangan itu dilaksanakan menerusi program Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan bagi membantu mereka yang terjejas.

Menurut Presidennya, **Jainuddin Djimin**, agihan sumbangan bakul makanan itu dilakukan secara berfasa.

Fasa pertama, seramai 34 mangsa banjir membabitkan Kampung Rancha-Rancha, Sg Bedaun, Bebuloh, Ganggarak, Sg Miri dan Sg Lada.

"Disebabkan situasi di Labuan masih mencatatkan

kes COVID-19 yang masih tinggi. Oleh itu, kita laksanakan program ini secara pandu lalu.

"Kita berharap dengan sumbangan ini dapat meringankan serba sedikit beban yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir," katanya kepada pemberita pada Program Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan 'Sumbangan Bakul Makanan' di Desa Tunas Hijau, baru-baru ini.

Program itu disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Ab Rasil Hajatil.

Hadir sama, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan, Dzulfaizal Ab Manan dan beberapa Ketua-Ketua Kampung. **WK**



JAINUDDIN (depan) menyerahkan bakul makanan kepada mangsa banjir secara pandu lalu turut disaksikan oleh Pengarah JaPen Labuan dan Pengurus MPP Labuan.

Masyarakat diseru martabatkan warisan dan tradisi etnik

MASYARAKAT di pulau ini diseru agar sentiasa memartabatkan warisan serta tradisi etnik pelbagai kaum agar terus kekal pada generasi akan datang.

Ahli Dewan Negara, **Senator Datuk Bashir Alias**, berkata tanggungjawab itu amat penting bagi mengekalkan warisan dan tradisi agar tidak lapuk ditelan zaman.

Katanya, budaya warisan ini harus dikekalkan demi kesinambungan tamadun supaya generasi akan datang mengenali asal usul mereka.

"Saya menyeru agar semua pihak bukan sahaja oleh jabatan dan agensi kerajaan, tetapi juga sektor swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) perlu bekerjasama memelihara dan mengekalkan warisan dan budaya untuk generasi akan datang," kata ucapannya ketika merasmikan Program Semarak@Muzium Wilayah Persekutuan Labuan 2022 di Muzium Labuan,



BASHIR (tengah) merasmikan Program Semarak@Muzium yang diadakan pada Sabtu lalu.

pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengarah Muzium Negara, Zamrul Zakaria dan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Fadhilah Mahmud.

Bashir berkata, dengan adanya

kerjasama, penglibatan masyarakat pelbagai kaum dalam menjayakan Program Semarak@Muzium ini, membuktikan muzium bukan sahaja menyimpan koleksi bersejarah bahkan merupakan sebuah intituisi yang dapat mendidik masyarakat mengenai dan memelihara warisan



BASHIR (dua dari kanan) meninjau dan beramah mesra dengan masyarakat dan merasai makanan ambuyat atau sagu iaitu makanan tradisional etnik Bisaya.

sejarah dan budaya bangsa.

"Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Muzium Labuan atas penganjuran program yang menarik dan memberi impak yang tinggi kepada masyarakat dalam memartabatkan warisan," katanya.

Program Semarak@Muzium di-

adakan selama dua hari itu turut mempamerkan produk makanan tradisional, kraf tangan, persembahan baju pelbagai etnik.

Selain itu, turut diadakan pertandingan menganyam ketupat, mewarna dan pertandingan gubahan kitar semula. **WK**



Nik Emir Din
Ketua Pegawai Kewangan dan
Pengurus Negara Muslim Pro
(Malaysia), Bitsmedia

SEDIKIT masa lagi teknologi dan agama akan saling berkait rapat. Bermula sebagai fungsi aplikasi doa dan meditasi merentas semua agama kini telah bertukar menjadi sesuatu yang lebih besar yang mana berpotensi untuk mencapai dan memberi kesan kepada orang ramai yang mana tidak pernah berlaku sebelum ini.

Malah, ia kini telah membuka jalan kepada pembangun aplikasi untuk memperkenalkan kandungan keagamaan yang memberi inspirasi dan menggalakkan pengguna untuk menetapkan matlamat dan menyuburkan kerohanian mereka.

Kira-kira lebih 1.9 bilion umat Islam di seluruh dunia, Islam dianggap sebagai agama yang paling pesat berkembang.

Tetapi aplikasi yang meneraju pasaran yang semakin berkembang ini, termasuk *Muslim Pro*, telah dibangunkan dalam sedekad yang lalu atau lebih, dengan tujuan utama untuk menyediakan waktu solat yang tepat dan bahan utiliti lain untuk masyarakat Islam.

Bermula secara sederhana di Singapura, *Muslim Pro* kini telah berkembang dan aplikasi *Muslim Pro* telah dimuat turun lebih 120 juta pengguna dari 190 buah negara, membantu umat Islam dari seluruh dunia untuk beribadah pada bila-bila masa dan di mana juanya mereka berada.

Sebagai sebuah perniagaan, Bitsmedia, penerbit aplikasi *Muslim Pro*, sentiasa menunjukkan semangat untuk mencipta ciri-ciri inovatif dan terus berusaha meningkatkan mutu aplikasi kepada semua pengguna, tidak kira di mana juanya mereka berada di dunia ini. Tetapi perjalannya ada dugaan.

Bagi kebanyakan perniagaan, pandemik COVID-19 telah mempercepatkan usaha transformasi digital apabila pengguna semakin meningkat dalam menggunakan alternatif digital dan aplikasi utiliti mudah alih untuk menjalankan aktiviti harian mereka.

Di *Muslim Pro*, terdapat peningkatan yang besar dalam penggunaan aplikasi iaitu lebih daripada 11 juta pengguna aktif harian dalam beberapa bulan pertama pandemik.

Ini bukanlah satu trend yang mengejutkan - dalam keadaan yang tidak menentu di dalam dunia, ramai orang kembali kepada agama masing-masing kerana dari situ mereka beroleh ketenangan dan kekuatan.

Trend ini ditambah lagi dengan larangan, yang membawa kepada penutupan tempat ibadat dan perkhidmatan solat, menyebabkan semua orang beralih kepada teknologi untuk

Iman dan Teknologi: Merapatkan jurang kepercayaan dengan pengguna



SEHINGGA kini aplikasi *Muslim Pro* telah dimuat turun lebih 120 juta pengguna dan lebih daripada 11 juta pengguna aktif harian dalam beberapa bulan pertama pandemik.

mengamalkan kepercayaan mereka - sama ada melalui persidangan video atau aplikasi mudah alih seperti *Muslim Pro*.

Kami sangat berbangga dapat memainkan peranan yang kecil dalam memudahkan komuniti *Muslim Pro* dan membantu pengguna terus berhubung dengan Islam.

Kami menikmati berjuta cabaran setiap hari dalam memberikan perkhidmatan, memastikan aplikasi *Muslim Pro* berjalan dengan lancar. Tetapi semakin jenama berkembang, begitu juga dengan tanggungjawab kami.

Sebagai Aplikasi Muslim yang terbesar di peringkat global, kami memahami keperluan pengguna untuk berasa selamat semasa menggunakan aplikasi, untuk memastikan data mereka dilindungi dan kebebasan untuk melindungi hak privasi mereka.

Oleh itu, apabila *Muslim Pro* dikaitkan dengan syarikat yang didakwa menjual data kepada kontraktor yang berkaitan dengan tentera Amerika Syarikat, kami memberikan sepenuh kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan masing-masing untuk memudahkan penyiasatan dan bekerja bersama pakar keselamatan untuk memastikan integriti ke atas perlindungan dan tadbir urus data kami.

Bitsmedia telah dan akan terus memastikan pematuhan ketat terhadap piawaian keselamatan untuk memastikan integriti ke atas data pengguna kami pada setiap masa - ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab kami kepada komuniti.

KOMITMEN TERHADAP KESELAMATAN DATA DAN PRIVASI

PADA zaman sekarang, aplikasi mudah alih menjadikan dunia sentiasa berjalan. Kita bergantung kepada aplikasi untuk membeli-belah, membaca, bermain, mendengar muzik, berkomunikasi dan juga berdoa.

Kajian mendapati bahawa purata seorang pengguna telefon pintar mempunyai 40 aplikasi yang dimuat turun pada telefon bimbit mereka, dan 87% pengguna telefon pintar menghabiskan masa pada aplikasi mudah alih.


Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi mudah alih juga mempunyai risiko dan potensi ancaman. Dalam era digital moden ini, keselamatan data dan privasi data sangat pantas menjadi tumpuan bagi kebanyakan syarikat teknologi, dengan sumber dialihkan kepada teknologi perlindungan keselamatan.

Apple, sebagai contoh, memperkenalkan tetapan timbul untuk pengguna iPhone yang meminta kebenaran pengguna untuk dijejaki oleh aplikasi yang berbeza.

Google juga baru-baru ini menggariskan rancangan untuk melumpuhkan teknologi penjejak dalam pelayar web Chromenya dan Facebook telah berkata bahawa mereka sedang mengusahakan kaedah baharu untuk memaparkan iklan tanpa bergantung pada data peribadi seseorang.

Dasar privasi Bitsmedia dipandu oleh piawaian dan peraturan antarabangsa kerana melindungi data peribadi pengguna kami adalah keutamaan kami.

Ciri-ciri dasar aplikasi *Muslim Pro* boleh digunakan tanpa mendaftar atau log masuk. Ini bermakna kita hanya memerlukan sedikit atau tiada data untuk diproses.



MUSLIM Pro telah melabur lebih banyak untuk menambah baik pelbagai kandungan ke dalam komuniti.

Kami juga mengaplikasikan langkah keselamatan standard industri untuk memastikan data pengguna kami selamat dan terjamin pada infrastruktur awan kami.

Selain daripada ini, *Muslim Pro* komited terhadap audit bebas tetap yang memastikan kami bertanggungjawab dan memastikan tahap perlindungan keselamatan yang tinggi.

TAWARAN BAHRU UNTUK PENGGUNA

MEMBINA aplikasi yang berjaya bukan hanya tentang membesarkan nama, ia adalah tentang menginovasi dan memperkenalkan ciri dan penambahbaikan yang berguna dan bermanfaat untuk pengguna.

Industri aplikasi mudah alih sangat berdaya saing dan untuk mencapai kelebihan daya saing adalah penting bagi syarikat teknologi memerhatikan pesaing dan analisis pasaran, sambil mengelakkan pengalaman pengguna sebagai tumpuan utama.

Dalam kes *Muslim Pro*, aplikasi kami bertujuan untuk menambahkan keimanan dan ritual pengguna kami. Mengenai perkembangan terkini, kami secara peribadi sangat teruja untuk memperkenalkan *Streak Rewards* di mana kami menggalakkan masyarakat Islam global untuk memulakan amalan harian yang sihat untuk menjalani ibadah (*worship*) mereka.

Dengan hanya mendaftar masuk ke aplikasi *Muslim Pro* secara berturut-turut untuk menyemak waktu solat, mencari kiblat, atau membaca Al-Quran, mereka akan mendapat ganjaran.

Mereka juga mungkin berkongsi ganjaran mereka dengan orang lain untuk menyebarkan amalan harian yang positif ini.

Muslim Pro juga baru-baru ini

melabur lebih banyak ke dalam kandungan untuk menambah lebih banyak bahan kandungan ke dalam komuniti kami.

Ini berdasarkan daripada perhatian bahawa umat Islam masih kekal dan kurang diwakili dalam media dan hiburan, di mana mereka sering digambarkan dalam stereotaip negatif.

Sebagai seorang Muslim, saya sentiasa kecewa dengan generalisasi watak Muslim yang digambarkan dalam media - ia bukanlah gambaran yang tepat tentang kepelbagai budaya dan identiti masyarakat Islam global.

Oleh kerana itu Bitsmedia berharap dapat merapatkan jurang ini di dalam pasaran, disamping mempelawa orang yang bukan Islam untuk menerokai dunia kita.

Kami juga telah melabur untuk mendapatkan artikel-artikel dan video-video yang mengandungi pelbagai topik seperti kesihatan mental, seni Islam dan bimbingan rohani terdapat di dalam aplikasi *Muslim Pro* - tetapi banyak lagi perkara yang boleh kami lakukan dan kami baru sahaja bermula.

Muslim Pro mungkin bermula sebagai aplikasi utiliti, tetapi ia berkembang pesat untuk menjadi aplikasi gaya hidup muslim yang terkemuka untuk umat Islam.

Semasa kami membuat skala untuk membangunkan ciri dan perkhidmatan baharu, Bitsmedia akan terus melabur dan melaksanakan perlindungan keselamatan yang diperlukan untuk memastikan privasi pengguna kami sentiasa dilindungi.

Pada pendapat peribadi saya, ini adalah cara yang ideal untuk memperbaiki kehidupan pengguna aplikasi, dan kami berbesar hati untuk merapatkan kepercayaan dan teknologi dengan masyarakat Islam global. Mari kita teruskan perjalanan ini bersama-sama.

Pasar malam pertama di Putrajaya dibuka



AINI MAWAWI

BARU sahaja dibuka kepada orang awam minggu lalu, Pasar Malam @ Presint 14, yang terletak di tapak Park & Ride, Putrajaya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya, **Jeffri Mustafa**, ia merupakan satu-satunya pasar malam yang terdapat di Putrajaya.

"Tujuan kita wujudkannya kerana di Putrajaya belum ada lagi pasar malam yang mana di Presint 2 selama ni adalah pasar tani. Walau bagaimanapun konsep tetap sama dengan pasar malam yang ada di tempat lain."

"Kebetulan dalam masa yang sama, tapak yang ada di Presint 14 tersebut berdekatan dengan kawasan penduduk jadi ia lebih strategik dan bolehlah menampung keperluan penduduk di sekitar kawasan



ANEKA buah-buahan yang terdapat di Pasar Malam @ Presint 14.

tersebut khasnya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, kewujudan pasar tersebut dilihat mampu memeriahkan kawasan berhampiran yang agak terbiar sebelum ini.

"Kita cadang nak naikkan kembali kawasan Park & Ride. Selain pasar, di kawasan tersebut juga terdapat food truck dan

akan datang *Insya-Allah* kita ada merancang perniagaan lain juga di situ.

"Apabila rancangan tersebut berjaya dan kawasan tersebut tidak lagi sunyi daripada pengunjung, maka secara tidak langsung, ia akan melengkapi antara satu sama lain," katanya.

Ujar Jeffri lagi, sepatutnya ia dibuka secara rasmi pada bulan ini



PAKAIAN kanak-kanak dan dewasa turut dijual.

namun beroperasi lebih awal dari tarikh jangkaan agar penduduk di kawasan sekitar tahu akan kewujudannya.

Sementara itu, Pengarah Operasi Silicon Bio Tech Sdn Bhd, Shaikh Hamid Shaikh Salleh berkata, terdapat 100 gerai yang bermula pukul 3 petang itu adalah barang basah, buah-buahan, makanan dan minuman serta pakaian. **WK**

mereka hanya perlu membayar sewaan serendah RM20 sehari beserta khemah berkeluasan 8x8 kaki," ujarnya.

Antara jualan yang terdapat di pasar malam yang beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan Isnin bermula pukul 3 petang itu adalah barang basah, buah-buahan, makanan dan minuman serta pakaian. **WK**

2,000 bekalan beg darah diperlukan setiap hari

Foto: FARIS AZMI PPJ

DEMI membantu menyelamatkan nyawa, satu Program Derma Darah Perbadanan Putrajaya (PPj) diadakan di lobi Dewan Persidangan PPj baru-baru ini.

Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 itu merupakan salah satu pendekatan

untuk meningkatkan rasa tanggungjawab sosial komuniti Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutaran PPj, **Dr Mohd Helmi Abdul Hamid**, ia bagi membantu masalah kekurangan bekalan darah di hospital seluruh negara.

"Kita mahu orang ramai sedar pentingnya darah yang

didermakan dalam membantu menyelamatkan sekurang-kurangnya tiga nyawa. Ini kerana darah utuh yang diderma boleh diproses dan menghasilkan sel darah merah, platelet dan plasma.

"Dari sudut kesihatan pula, apabila mendermakan darah, ia boleh merangsang badan untuk menghasilkan sel-sel darah yang baru."

"Sel darah baru mempunyai lebih keupayaan untuk membawa oksigen ke seluruh badan. Justeru, penderma darah akan berasa lebih sihat dan segar selepas menderma," ujar beliau.

Program yang diadakan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Pusat Darah Negara itu menyasarkan seramai 80 penderma pada program tersebut.

Sementara itu, menurut Penolong Pegawai Penerangan Unit Rekrutmen dan Publisiti Pusat Darah Negara, Shariza Jamal Abdul Nasir, 46, unit darah berjaya dikutip pada hari tersebut.

"Alhamdulillah atas kesedaran ini dan kita berharap masyarakat tampil untuk terus menderma bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi lebih-lebih lagi dalam keadaan bencana banjir yang melanda Pantai Timur ketika ini."

"Kita memerlukan sekurang-kurangnya 2,000 bekalan beg darah sehari dalam negara yang mana 400 hingga 500 beg untuk Lembah Klang," ujarnya kepada *Wilayahku*.



PROGRAM derma darah boleh mengatasi masalah kekurangan bekalan darah sekali gus menyelamatkan nyawa.



ACARA Terompah Gergasi sentiasa dinantikan oleh para peserta.



PENOLONG Pengarah, Jabatan Kebudayaan Keseniaan Pelancongan dan Sukan, Nur Fatin Nadhirah Mohd Khirzam bersama para pemenang OKU.

LEBIH 16 acara permainan tradisional disertai warga kota pada acara Fiesta Sukan Hari Wilayah Persekutuan 2022 baru-baru ini sempena Sambutan Jubli Emas yang Ke-50, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dianjurkan oleh DBKL, antara permainan tradisional yang dipertandingkan pada



KHAIRUL AZMIR

fiesta yang berlangsung di Taman Rekreasi Pudu Hulu, Cheras adalah Dam Aji, Congkak, Batu Seremban dan

Terompah Gergasi. Menurut Pengarah Jabatan Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, **Khairul Azmir Ahmad**, acara yang diadakan turut menerapkan konsep perpaduan dan persefahaman di antara warga kota yang berbilang kaum.

"Kehadiran pelbagai bangsa dan lapisan usia menjadikan Keluarga Malaysia dapat berhimpun dengan semangat perpaduan dan cintakan permainan tradisional yang sentiasa mendapat di hati masyarakat Malaysia.

"Dengan penganjuran

16 permainan tradisional meriahkan Fiesta Sukan Hari WP



PESERTA OKU tekun dalam pertandingan congkak menentang lawan.

program seumpama ini mampu menyemarakkan rasa cinta masyarakat terhadap permainan tradisional walaupun ia kelihatan santai.

"Selain itu, ia juga dapat mengukuhkan ikatan silaturahim dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, fiesta tersebut juga diharap dapat

mengimbau kembali permainan tradisional yang ada di Malaysia.

"Ia juga salah satu usaha untuk memastikan permainan tradisional masyarakat di Malaysia akan terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang," kata beliau lagi.

Dalam pada itu, DBKL akan memperbanyakkan lagi penganjuran program dan



PERTANDINGAN Dam Aji menjadi pilihan para peserta.

aktiviti untuk komuniti yang bersesuaian dengan pelbagai lapisan umur warga kota Kuala Lumpur.

"Lebih 250 peserta termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) hadir yang mana rata-ratanya menzahirkan ucapan terima kasih kepada DBKL kerana menyediakan acara permainan kepada mereka dan berharap

ia dapat diadakan lagi," tambah beliau.

Terdahulu, dua kategori pertandingan disediakan iaitu terbuka dan OKU.

Selain permainan tradisional seperti Boling Kelapa, Dadu Beracun, Lari Dalam Guni turut juga diadakan pertandingan seni mempertahankan diri iaitu silat, wushu dan silambam. **W.K**



PESERTA teruja menyertai acara Lari Dalam Guni.



PERSEMBAHAN Silat Gayung yang diadakan pada acara Fiesta Sukan Hari Wilayah Persekutuan 2022.

Berjuang harumkan Putrajaya Cyborg

Syahril intai peluang sertai skuad negara

AINI MAWAWI

BERADA di posisi tekong, atlet sepak takraw Wilayah Persekutuan, **Mohamad Syahril Rosdi**, 20, mengakui sedang mengintai peluang untuk menyertai skuad negara.

Bagi mencapai impian tersebut, dia kini tekad untuk menunjukkan prestasi yang terbaik dalam setiap kejohanan yang disertai tahun ini.

"Ramai atlet yang hebat di luar sana jadi saya mesti berusaha bersungguh-sungguh ke arah tersebut. Lagi pula sepak takraw merupakan kerjaya saya," ujar anak kelima daripada enam orang adik-beradik ini.

Mewakili Putrajaya Cyborg dalam Emas Anuar Liga Sepak Takraw (STL) yang sedang berlangsung saat ini, Syahril berkata



ini merupakan kali pertama pasukan tersebut berjaya menyertai Liga Premier.

"Alhamdulillah, biarpun merupakan pendatang baharu namun kami mencuba yang terbaik bagi meletakkan pasukan di top tiga."

"Semua pasukan yang bertanding hebat belaka namun itu tidak mematahkan semangat kami untuk terus berjuang mengharumkan nama pasukan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, setiap kali dalam perlawanan, pasukannya sentiasa cuba mengekalkan momentum untuk meraih kemenangan.

"Kekuatan mental itu penting bagi setiap pemain untuk terus bertahan. Sebagai tekong, kecergasan kena berada pada tahap yang tinggi sebab kena guna banyak tenaga," ujar bekas pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil ini lagi.

Pencapaian Mohamad Syahril

2022 - SHWP 2022, Kuala Lumpur - Tempat Kedua

2020 - STL Divisyen 1, Putrajaya - Tempat Kedua

2019 - STL Premier, Kuala Lumpur - Tempat Keenam

2018 - SUKMA Perak - Tempat Keenam

POSI SI sebagai tekong memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi.



Menjadikan pemain senior, Zulkifli Abdul Razak sebagai idola, Syahril menanam impian untuk mendapat tempat ke Sukan SEA dan Sukan Asia.

"Insya-Allah dengan kerja keras disertai prestasi permainan yang baik, saya yakin ia bukanlah angan-angan kosong sahaja," ujarnya.

WK



PASUKAN silat WP dinobat naib johan keseluruhan.

Pasukan silat WP pamer aksi cemerlang

DIANA AMIR

SETELAH dua tahun sepi tanpa sebarang kejohanan, pasukan silat Wilayah Persekutuan (WP) kembali menunjukkan taring apabila dinobatkan naib johan keseluruhan pada Kejohanan Terengganu Hanelang Challenge 2022, baru-baru ini.

Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan Kuala Lumpur (PESAKA KL), **Sudirman Arifin** berkata prestasi yang ditampilkan atlet Wilayah Persekutuan cemerlang meskipun tidak mencapai matlamat yang disasarkan.

"Kita sasarkan sebagai johan keseluruhan namun mendapat naib johan di belakang tuan rumah dan ia tetap boleh dibanggakan."

"Ini merupakan kejohanan pertama secara fizikal setelah dua tahun kita tidak menyertai ma-

na-mana kejohanan dan mereka yang terlibat pernah menyertai Sukma sebelum ini," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Tambahnya, pasukan silat Wilayah Persekutuan juga akan menyertai kejohanan lain yang bakal dianjurkan namun ia tertakluk pada takwim memandangkan negara masih dalam keadaan pandemik.

Mengulas lanjut tentang perkembangan terbaru PESAKA KL, Sudirman berkata mereka baru sahaja selesai dengan festival dan akan memberi fokus kepada persiapan menghadapi Sukma.

"Kita bakal mengadakan satu lagi pemilihan akhir atlet ke Sukma kerana memandangkan sudah dua tahun kejohanan ini tidak diadakan, sebahagian daripada mereka tidak lagi dapat memberikan komitmen."

"Setakat ini, terdapat lima kekosongan dan kita akan mencari atlet

pelapis bagi mengisi kekosongan di kelas-kelas tertentu," ujarnya sambil menambah sehingga kini persiapan yang dilakukan berjalan lancar.

Sudirman berkata adalah lebih baik sekiranya atlet dapat mengikuti mana-mana kejohanan sebagai persediaan menghadapi Sukma agar mereka menjadi lebih matang.

"Kemungkinan akan ada kejohanan yang akan kita serta namun saya tidak dapat senaraikan kerana ketika ini ia tertakluk pada takwim PESAKA dan juga keadaan semasa," katanya.

Terdahulu, pasukan silat WP berjaya meraih dua emas, empat perak dan empat gangsa sekali gus dinobatkan naib johan keseluruhan dalam Kejohanan Terengganu Hanelang Challenge 2022 yang diadakan pada 23 hingga 26 Februari lalu bertempat di Kuala Terengganu. WK

Putrajaya juara NTL 2021

PUTRAJAYA muncul juara keseluruhan Kejohanan National Touch League 2021 (NTL 2021) yang dianjurkan oleh Malaysia Touch Association (MTA) bermula 12 hingga 27 Februari 2022 lalu yang berlangsung di Taman Ekuestrian Putrajaya.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu Lelaki 30, 40 dan 50 tahun, Terbuka Lelaki dan Wanita serta kategori Terbuka Campuran.

Lapan buah negeri mengambil bahagian bagi merentas gelaran juara antaranya

Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor.

Walau bagaimanapun tuah menyeberangi Putrajaya yang muncul juara keseluruhan dengan tiga emas, diikuti Selangor di tempat kedua (dua emas) dan Negeri Sembilan di tempat ketiga dengan satu emas.

Anugerah pemain terbaik keseluruhan menjadi milik Syamim Ahmad Safawi (Putrajaya) dengan pencapaian tiga emas melalui kategori Lelaki 30 tahun, Terbuka Lelaki dan Terbuka Campuran.

WK



PASUKAN Putrajaya meraikan kemenangan sejurus berakhir kejohanan NTL 2021.



Ummah berpecah dorong negara Islam iktiraf Israel

UMAT Islam khasnya di Malaysia perlu menjadikan peristiwa Isra' dan Mikraj untuk membangkitkan kesedaran dan semangat jihad bagi mempertahankan Masjid Al-Aqsa, di Baitul Maqdis.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, realiti perpecahan dalam kalangan umat Islam di beberapa negara semakin menajam sehingga ada beberapa buah negara Islam yang telah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara.

"Semangat untuk mengembalikan hak umat Islam perlu dizahirkan dengan pengorbanan yang tinggi sesuai dengan kepentingan Masjid Al-Aqsa yang juga masjid ketiga paling suci bagi umat Islam di seluruh dunia."

"Namun kesatuan antara negara Islam yang rapuh menggagalkan hasrat merealisasi Palestin dan Baitul Maqdis kembali kepada kaum Muslimin. Akibat perpecahan yang berlaku, zionis Israel telah berjaya bermaharaja lela di wilayah yang dikelilingi oleh lebih 200 juta Arab Muslim di Timur Tengah itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Multaqa Al Aqsa dan Palestin serta Dana Wakaf dan Infaq Al Aqsa anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Masjid Sedunia Mempertahankan Al Aqsa (MANAR) dan Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA) di Kompleks Nasirul Quran dekat Putrajaya di sini pada Selasa.

Hadir sama, Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid, Pengurus



PRESIDEN MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid menunjukkan sijil waqaf kepada Jalaluddin.

SHURA, Datuk Abdul Ghani Samsuddin dan Pengurus MANAR, Datuk Seri Ahmad Awang.

Jalaluddin berkata, keadaan yang semakin mendesak di Baitul Aqsa sudah sampai ke kemuncaknya apabila serangan tentera Israel semakin kerap ke atas Masjid Al Aqsa yang bertujuan untuk menguasai masjid tersebut secara sistematis.

"Ia merupakan kemuncak agenda zionis Israel untuk meruntuhkan Masjid Al-Aqsa dan diganti dengan Kuil Sulaiman yang didakwa kuil Yahudi.

"Sehingga kini pun, Masjid Al-Aqsa tidak sepi dari gangguan askar zionis Israel yang terus menerus mengugat keamanan di Masjid tersebut," katanya.

Tegas Jalaluddin, tanggungjawab membela dan mempertahankan Masjid Al-Aqsa berada di tangan setiap Muslimin seluruh dunia dan ia tidak

terbatas kepada warga Palestin Arab semata-mata.

"Ia itu yang terkait kepada umat Islam seluruhnya dan membela serta mempertahankan Masjid Al-Aqsa adalah fardhu ke atas setiap Muslim."

"Malaysia juga konsisten dengan pendirian mendokong perjuangan Palestin sejak dari mula isu ini tercetus. Rakyat Malaysia sentiasa menyuarakan sokongan kepada perjuangan pembebasan Palestin," katanya.

Dalam pada itu, Jalaluddin berkata, usaha melalui program Wakaf dan Infaq Al-Aqsa demi meraih sokongan untuk perjuangan membebaskan Masjid Al-Aqsa yang digerakkan oleh MAPIM, Manar dan Shura adalah baik dan patut disokong semua pihak.

"Pihak kerajaan bersedia menyokong usaha ini supaya prinsip keadilan dapat ditegakkan dan maruah Islam dipertahankan sebaik-baiknya," katanya. WK

Calon SPM belajar dalam banjir paras lutut

USAHA tangga kejayaan. Itulah yang dapat digambarkan tentang video sekumpulan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Menengah (SPM) belajar dalam banjir yang tular dalam media sosial, baru-baru ini.

Dalam video tersebut, kelihatan seorang pemuda yang dipercayai cikgu gigih mengadakan sesi ulang kaji sebelum pelajar menduduki SPM yang bermula pada 2 Mac lalu.

Para pelajar juga kelebihan tekun meskipun belajar dalam keadaan banjir paras lutut.

Meninjau ruangan komen, rata-rata warganet memuji semangat mereka yang tidak berputus asa walaupun diduga dengan

banjir besar.

Tidak kurang juga yang mengucapkan selamat maju jaya dan mendoakan kejayaan mereka.

Terdahulu, bencana banjir yang melanda di negeri-negeri Pantai Timur sememangnya menjadi satu cabaran besar buat penduduk terutamanya para pelajar yang menduduki peperiksaan SPM.

Atas keprihatinan kerajaan, calon-calon SPM yang terjejas kerana banjir dipindahkan ke sekolah baharu bagi memastikan mereka dapat menduduki peperiksaan dengan lebih selesa.

Selain itu, terdapat juga calon yang bakal menduduki peperiksaan tersebut pada sidang kedua, April ini. WK

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



VIDEO sekumpulan calon SPM belajar dalam banjir tular.

Farahdhiya tidak rela nampak bodoh

DEEL ANJER

SEPERTI sudah menjadi trend perlunya buat gimik atau mencipta kontroversi agar sesebuah lagu menjadi tular dan diterima dalam masa yang singkat.

Lain pula pendapat penyanyi Farahdhiya yang mengaku tidak gemar gimik murahan demi publisiti.

Percaya akan kualiti lagu ciptaan sepenuhnya oleh Pown Hasril, Karim Karam, Otromen, Nass dan DL itu, pemilik nama sebenar **Farahdhiya Mohd Amin**, 38, tidak mahu menggunakan pendekatan gimik keterlaluan seperti dilakukan segelintir penyanyi.

"Untuk lagu ini tiada sebarang gimik sebab saya seorang yang 'simple' dan 'straight forward'. Jadi nak keluar lagu kita buat cara biasa sahaja."

"Pada saya jika itu lagu yang bagus, penyanyinya bagus atau produknya baik kalau buat dengan cara yang biasa pun tiada masalah."

"Kadang-kadang kita tengok sendiri orang buat gimik sampai ada yang memalukan diri dan nampak bodoh sehingga dikecam."

"Saya tak sanggup semata-mata nak buat gimik sebegitu dan saya tidak perlukan itu. Bila nak keluar lagu, kita keluar lagu sahaja," katanya.

Menurut Farahdhiya yang popular menerusi lagu Bertakhta Di Hati, dia yakin dengan lagu Tewas tinggal lagi memerlukan publisiti dan promosi yang bagus.

"Saya sangat yakin dengan lagu ini. Setiap kali saya keluarkan lagu baharu tak kisah ia 'meletup' ataupun tidak saya selalu ada keyakinan."

"Sebab bila kita dengar, kita tahu lagu itu sedap. Cumanya jika sesebuah lagu itu tidak popular, itu bukan bermakna tidak sedap dan bagus," katanya lagi.

Menariknya, lagu Tewas yang bergenre *Electronic Dance Music* (EDM) turut menampilkan *rappor* dari Korea Selatan iaitu Denis dengan menggunakan tiga bahasa iaitu Melayu, Inggeris dan Korea.

Dalam perkembangan lain, Farahdhiya berkongsi jadual kerjanya senin padat selepas aktiviti seni kembali dibenarkan beroperasi selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Terima kasih kerajaan kerana memahami kehidupan rakyat yang perlu bekerja untuk kembali bangkit setelah lama aktiviti ekonomi tergandala."

"Sejak dibenarkan bekerja semula pada Oktober tahun lalu, *Alhamdulillah* jadual saya sangat padat sampai sekarang. Nyanyian dan lukan seiring."

"Saya sibuk m en j a y a k a n persembahan korporat dan makan malam. Tarawan berlakon pun tak berhenti," jelasnya yang akan muncul dalam drama Roti Cicah Susu di saluran Astro Ria. WK



FARAHDHIYA